



DR 8 TAHUN 2017  
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS  
PENGKAL KELIMA



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS


PROGRAM BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) NEGERI SABAH

- KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

- JABATAN AIR NEGERI SABAH

**LAPORAN**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>1</b>	<b>LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PROGRAM BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) NEGERI SABAH DI BAWAH KEMENTERIAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH (KKLW) DAN JABATAN AIR NEGERI SABAH</b>	<b>1-10</b>
<b>2</b>	<b>RUMUSAN &amp; SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA</b>	<b>11-12</b>
<b>3</b>	<b>AGENDA MESYUARAT</b>	
<b>4</b>	<b>LAPORAN PROSIDING</b>	
<b>5</b>	<b>DOKUMEN PEMBENTANGAN</b>	



**LAPORAN  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA  
WANG NEGARA**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
(PAC) PARLIMEN  
BERHUBUNG PROGRAM BEKALAN AIR LUAR BANDAR  
(BALB) NEGERI SABAH  
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR  
DAN WILAYAH (KKLW)**

**1. PENDAHULUAN**

Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Negeri Sabah di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) adalah sebahagian daripada penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2015 Siri 1 (Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan) yang dibentangkan di Parlimen pada 18 Mei 2016.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen memutuskan untuk membincangkan mengenai isu ini pada 7 September 2016 iaitu dalam prosiding Bilangan 18/2016.

## **2. OBJEKTIF PERBINCANGAN**

Selaras dengan mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304 (a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), PAC Parlimen telah membincangkan penemuan audit berhubung program BALB Negeri Sabah bertujuan untuk mengkaji dan meneliti sama ada matlamat program yang dilaksanakan menepati serta mencapai objektif utama yang ditetapkan.

## **3. SKOP DAN METODOLOGI**

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- i. Menjemput Ketua Audit Negara yang diwakili oleh Pengarah Jabatan Audit Negara (JAN) Persekutuan bagi memberi penjelasan berhubung isu yang dibangkitkan;
- ii. Memanggil pihak yang terlibat dalam pelaksanaan Program BALB Negeri Sabah iaitu Ketua Setiausaha (KSU) KKLW dan Ketua Pengarah (KP) Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) yang diwakili Timbalan Ketua Pengarah (TKP) JANS untuk memberi penjelasan mengenai maklum balas dan tindakan yang diambil; dan
- iii. Menjemput wakil dari agensi Kerajaan Persekutuan seperti Kementerian Kewangan (MoF); Jabatan Akauntan Negara; Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) menghadiri prosiding PAC Parlimen berhubung isu ini.

- iv. Mengadakan lawatan kerja ke Pulau Gaya, Sabah bagi meninjau sendiri permasalahan yang dihadapi program ini seperti yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2015 Siri 1.

#### **4. LATAR BELAKANG PROGRAM BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) NEGERI SABAH**

- 4.1 Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) mula dilaksanakan Kerajaan Malaysia sejak tahun 1974 di bawah *Skim Accelerated Rural Water Supply* dalam Rancangan Malaysia Kedua (RMK-2).

Objektif utama program BALB adalah untuk menyediakan kemudahan bekalan air bersih dan terawat agar taraf kesihatan dan kualiti hidup masyarakat di luar bandar dapat dipertingkatkan seterusnya dapat merangsang pembangunan ekonomi, industri, pertanian dan juga pelancongan serta memperluaskan liputan bekalan air di kawasan luar bandar di seluruh negara.

- 4.2 Bagi negeri Sabah, pelaksanaan program BALB adalah di bawah Bidang Keberhasilan Negara (NKRA) – Meningkatkan Pembangunan Luar Bandar dan telah bermula sejak tahun 2010 iaitu di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) 1.0 (tahun 2010 hingga 2012) dan GTP 2.0 (tahun 2013 hingga 2015).

Di bawah GTP 1.0 dan GTP 2.0, sebanyak 184 projek BALB telah dan sedang dilaksanakan dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM2.001 bilion.

4.3 Bagi tujuan pelaksanaan program BALB Negeri Sabah, KKLW bertindak sebagai penyedia peruntukan dan melaksanakan pemantauan berkala manakala JANS dilantik sebagai Pegawai Penguasa.

Manakala, perunding yang merekabentuk projek dipertanggungjawabkan sebagai wakil Pegawai Penguasa yang menjalankan pemantauan dan penyeliaan secara langsung terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dan seterusnya bertanggungjawab memperakui kemajuan kerja bagi tujuan pembayaran.

## **5. PERBINCANGAN DAN PENEMUAN DALAM PROSIDING PAC PARLIMEN**

Sesi prosiding dimulakan dengan penjelasan awal mengenai isu yang berkenaan oleh Pengarah JAN Persekutuan kepada PAC Parlimen.

Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu KKLW yang diwakili oleh Dato' Mohd Arif Bin Ab Rahman, KSU KKLW, Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) diwakili Encik Teo Chee Keong, TKP JANS manakala Encik Murad Bin Abd Rashid, Ketua Penolong Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah (UPENS) memberikan keterangan di hadapan PAC Parlimen. Perkara yang dibincangkan secara umumnya diringkaskan seperti berikut:

### **5.1. Penjelasan Awal Pengarah JAN Persekutuan**

Pengarah JAN Persekutuan telah memaklumkan mengenai hasil kajian berhubung program BALB Negeri Sabah.

Secara keseluruhannya, Program BALB Negeri Sabah adalah baik bagaimanapun, terdapat empat (4) isu yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- a) Sistem Retikulasi Projek BALB Negeri Sabah Zon Kota Belud tidak siap dalam tempoh yang ditetapkan.
- b) Tiada koordinasi antara jabatan-jabatan dalam KKLW menyebabkan projek bekalan air di Kinabatangan, Sabah tergendala.
- c) Sistem Retikulasi Projek BALB Pulau Gaya terpaksa dihentikan kerana Kerajaan Negeri memutuskan status kependudukan pulau tersebut adalah tidak sah.
- d) Prestasi penyambungan meter oleh pengguna bagi lima (5) projek bekalan air yang telah siap dan beroperasi berada di tahap yang rendah iaitu 38.4% berbanding dengan jumlah liputan yang disasarkan.

## **5.2. Keterangan KSU Kementerian KKLW**

KSU KKLW memaklumkan LKAN telah membangkitkan lima (5) isu utama bagaimanapun empat (4) daripadanya telah dapat diselesaikan. Isu yang masih dalam tindakan adalah Sistem Retikulasi Projek BALB Pulau Gaya kerana ia dihentikan berikutan Kerajaan Negeri memutuskan status kependudukan pulau tersebut adalah tidak sah.

Sejumlah RM93 juta telah disalurkan KKLW bagi tujuan pelaksanaan penyaluran bekalan air dengan bilangan sasaran kepada 2,441 buah rumah di Pulau Gaya membabitkan kira-kira 15,000 penduduk.

Bagaimanapun, penyambungan air hanya dapat dibuat kepada pejabat *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM), sekolah serta Gayana Resort sahaja dan tidak disalurkan kepada penduduk kampung-kampung berdekatan di Pulau Gaya.

### 5.3 Penemuan PAC PARLIMEN

#### **Sistem Retikulasi Projek BALB Pulau Gaya**

Projek Pemasangan Paip Bekalan Air Ke Pulau Gaya Fasa 1 telah diperaku siap pada 13 September 2013. Projek ini meliputi kerja pemasangan paip, penghantaran, paip agihan, tangki takungan khidmat (berkapasiti lima (5) juta liter air), kuarters pekerja dan kerja-kerja infrastruktur yang lain.

Bilangan rumah yang disasarkan akan mendapat akses bekalan air selepas projek siap adalah sebanyak 2,441 buah rumah. Pengujian dan Pentauliahahan (*testing and commissioning*) yang dijalankan menunjukkan projek ini berupaya beroperasi sebagaimana reka bentuk yang disediakan perunding.

Bagaimanapun, JANS telah mengarahkan kontraktor untuk memberhentikan kerja penyambungan dan pemasangan paip ke Kampung Kasuapan, Lok Baru dan Lok Urai berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Bersepadu Pulau Gaya, Kota Kinabalu bilangan 02/2012.

Mesyuarat menyatakan kampung-kampung di Pulau Gaya berstatus tidak sah dan akan dipindahkan ke kawasan penempatan semula di Kampung Gusi, Kinarut.

Mesyuarat berkenaan turut memutuskan kemudahan air daripada projek ini hanya dibekalkan kepada pejabat kerajaan iaitu Pejabat ESSCOM, SK. Pulau Gaya dan SMK Pulau Gaya sahaja.

### **Maklum Balas KKLW**

Keputusan mesyuarat EXCO Kerajaan Negeri Sabah yang menyatakan kependudukan Pulau Gaya tidak sah dikeluarkan selepas kontraktor dilantik dan kerja-kerja sudah dilaksanakan.

KKLW berpendapat adalah tidak wajar untuk membatalkan projek tersebut di pertengahan jalan walaupun keputusan Kerajaan Negeri mengatakan kependudukan pulau tersebut tidak sah.

Kos keseluruhan projek adalah RM93 juta dan KKLW berpendapat tiada isu pembaziran kerana ianya adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan tersebut dan projek telah pun siap. Projek juga telah dapat dimanfaatkan oleh sebahagian pengguna seperti di ESSCOM.

Isu penangguhan penyaluran bekalan air ke Pulau Gaya yang berlarutan selama 2 tahun selesai selepas Kerajaan Negeri Sabah mengeluarkan surat persetujuan bagi menyalurkan air kepada penduduk pulau berkenaan.

JANS bersetuju menyalurkan air kepada masyarakat Pulau Gaya dalam tempoh 60 hari.

### **Maklum Balas UPENS**

Penyambungan bekalan air ke kampung-kampung di Pulau Gaya ditangguhkan kerana Kerajaan Negeri mempunyai perancangan pembangunan ke atas pulau tersebut.

Atas sebab itu, Kerajaan Negeri terpaksa menangguhkan sementara penyambungan air ke kampung-kampung di Pulau Gaya.

### **Maklum Balas JANS**

Tarikh projek ini diperaku siap adalah 13 September 2013. Projek ini telah diserahkan tapak pada 26 Disember 2011. Mesyuarat bersama Unit Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), JPM yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri telah memaklumkan penangguhan penyambungan paip ke kampung-kampung di Pulau Gaya. Pada ketika ini, bekalan air hanya dapat dibekalkan kepada Sekolah Menengah Pulau Gaya, ESSCOM dan Gayana Resort.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLBS) akan menyalurkan peruntukan kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) bagi melaksanakan penyambungan tangki-tangki pukal.

Tangki-tangki tersebut akan dikawal selia oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) untuk membekalkan air kepada pengguna. Penyambungan ini akan dilaksanakan dalam tempoh 60 hari.

#### **5.4. Lawatan Kerja PAC Parlimen Ke Projek Pulau Gaya**

Lanjutan daripada prosiding yang telah diadakan pada 7 September 2016, PAC Parlimen telah mengadakan lawatan kerja ke Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Pulau Gaya pada 15 Januari 2017.

5.4.1. Ahli PAC Parlimen yang menyertai lawatan berkenaan adalah:

- (i) YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin (Pengerusi)
- (ii) YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah
- (iii) YB. Datuk Dr. Makin@Marcus Mojigoh

5.4.2. Lawatan kerja berkenaan juga disertai Ex Officio PAC Parlimen terdiri daripada pegawai-pegawai daripada Kementerian serta Jabatan Kerajaan iaitu:

- (i) Datuk Alaudin bin Annuar (EPU)
- (ii) Rosli bin Yaakub (MoF)
- (iii) Mansor bin Maizan (JPA)
- (iv) Ramli bin Chik (Jabatan Akauntan Negara)

Puan Patimah Ramuji, Pengarah JAN Sabah dan Ir Wilis Ansoi, Pengarah JANS Jabatan Air Negeri Sabah turut mengiringi lawatan kerja PAC Parlimen.

Lawatan kerja ini tertumpu kepada penyambungan tangki-tangki pukal yang dilaksanakan di Pulau Gaya sebagai langkah sementara untuk membekalkan air kepada pengguna.

**RUMUSAN & SYOR  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ **Bilangan 18/2016 pada Rabu 7 September 2016**

## **6. RUMUSAN PAC PARLIMEN**

PAC Parlimen berpendapat bahawa projek ini adalah projek yang mempunyai signifikan di hati rakyat dan ia membabitkan kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Berikutan itu, PAC Parlimen turun padang untuk melihat sendiri projek di Pulau Gaya, Sabah yang gagal beroperasi sepenuhnya serta tidak memenuhi keperluan kumpulan sasaran seperti yang dikehendaki Kerajaan.

Berikutan itu, PAC Parlimen merumuskan projek retikulasi air di Pulau Gaya tidak mencapai objektif asal seperti yang dikehendaki Kerajaan.

## **7. SYOR PAC PARLIMEN**

Bagi tujuan penambahbaikan akan datang, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan beberapa perkara seperti berikut;

- 7.1 Mempertingkatkan tahap koordinasi jabatan serta agensi antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi membolehkan projek kemudahan awam dapat disiapkan mengikut jadual demi kepentingan rakyat.
- 7.2 Kementerian serta agensi Kerajaan Negeri perlu menentukan kaedah paling sesuai dalam menyalurkan bekalan air sebelum projek dimulakan kepada penduduk luar bandar bagi mengelakkan berlaku pembaziran wang kerajaan.

- 7.3 Walau apa pun keputusan Kerajaan Negeri Sabah terhadap Pulau Gaya, bekalan air perlu disalurkan ke rumah-rumah penduduk di Pulau Gaya kerana projek pembangunan memakan masa yang lama.
- 7.4 PAC Parlimen akan memanggil semula prosiding Projek Bekalan Air Luar Bandar Pulau Gaya, Sabah dengan memanggil wakil Kerajaan Negeri Sabah, JANS, DBKK dan KKLW.

## **JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN**



**AGENDA MESYUARAT  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ **Bilangan 18/2016 pada Rabu 7 September 2016**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BIL 18/2016 PADA RABU 7 SEPTEMBER 2016  
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BANGUNAN  
SEMENTARA PARLIMEN**

<b>TARIKH / HARI / MASA</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT</b>
<b>7 September 2016 (Rabu)  10.30 pagi</b>	<b>Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Negeri Sabah</b>	<b>Kementerian Luar Bandar dan Wilayah</b>

# **LAPORAN PROSIDING**

❖ **Bilangan 18/2016 pada Rabu 7 September 2016**

Bil. 18

Rabu  
7 September 2016



**MALAYSIA**

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**Mengenai:**

**Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB)  
di Negeri Sabah**

- Kementerian Luar Bandar dan Wilayah
  - Jabatan Air Negeri Sabah

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEEMPAT**

---

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BLOK A  
BANGUNAN SEMENTARA, PARLIMEN MALAYSIA  
RABU, 7 SEPTEMBER 2016**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Dato' Hasan bin Arifin [Rompin] - *Pengerusi*  
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Timbalan Pengerusi*  
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]  
YB. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]  
YB. Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]  
YB. Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]  
YB. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]  
YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]  
YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]  
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]  
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]  
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]  
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara]  
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah (Audit Kerajaan Persekutuan)]  
Encik Afizan bin Asimin [Penolong Pengarah (Audit Kerajaan Persekutuan (Seksyen Audit Persekutuan))]  
Encik Mohammad Afifi bin Mat Thani [Penolong Juruaudit (Audit Kerajaan Persekutuan (Seksyen Audit Persekutuan))]

**Kementerian Kewangan**

Encik Rosli bin Yaakub [Ketua Seksyen Parlimen, Kabinet dan Kawalan Pemantauan]  
Encik Abd Qayyum bin Abd Jalil [Penolong Setiausaha (Parlimen dan Kabinet)]  
Cik Nasryah Fahada Abd Razak [Penolong Setiausaha]

---

samb/-

**HADIR BERSAMA** (samb/-)

**Jabatan Akauntan Negara**

Puan Zuriyanti binti Abd Hamid [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (Unit Pengurusan Akaun Deposit)]

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Encik Mansor bin Maizan [Timbalan Pengarah Kanan (TPBK(K)A)]

**Unit Perancang Ekonomi**

En. Ravikumar a/l Suppiah [Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan Luar Bandar)]

**SAKSI**

**Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**

YBhg. Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman [Ketua Setiausaha]

Haji Mohd Shafie bin Jusoh [Setiausaha Bahagian (Bahagian Infrastruktur)]

Encik Muhamad Zaidi bin Yahaya [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Infrastruktur)]

Puan Azrahani binti Azmi [Penolong Setiausaha (Bahagian Infrastruktur)]

Encik Baderolhi Sham bin Md. Nor [Juruaudit (Unit Audit Dalam)]

**Jabatan Air Negeri Sabah**

Encik Teo Chee Kong [Timbalan Pengarah]

Encik Mohd Azri bin Abdullah [Ketua Jurutera Air (Perancangan dan Pembangunan)]

**Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah**

Puan Norlijah binti Danin [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Pembangunan - Utiliti & Perkhidmatan)]

**Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah**

Encik Murad bin Abd Rashid [Ketua Penolong Pengarah]

---

**LAPORAN PROSIDING****MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KEEMPAT****Rabu, 7 September 2016****Bilik Jawatankuasa 2, Tingkat 1, Blok A, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.36 pagi***[Yang Berhormat Dato' Hasan bin Arifin **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**Tuan Pengerusi:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Naib Pengerusi PAC, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berbahagia Datuk Roosme Hamzah, Setiausaha Dewan Rakyat, pegawai dan kakitangan Jabatan Audit Negara, pegawai-pegawai dan wakil-wakil jabatan kerajaan.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang dapat hadir pada pagi ini. Hari ini kita akan meneruskan Mesyuarat PAC Parlimen Ketiga Belas dengan mengadakan prosiding mengenai Program Bekalan Air Luar Bandar Sabah, ini Yang Berhormat Putatan ini.

**Datuk Roosme binti Hamzah [Setiausaha]:** Khas untuk Yang Berhormat Putatan.

**Tuan Pengerusi:** Khas untuk Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** *[Ketawa]* So, kita panggil KSU dan Encik Teo Chee Kong, Timbalan Pengarah Jabatan Air Negeri Sabah dan Encik Murad bin Abd Rashid iaitu Ketua Penolong Pengarah UPEN Sabah. Oh! Sana ya? Pengarah-pengarah *federal* tidak panggil?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** KSU dia tidak panggil...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Dia boleh jawab 'kot'.

**Tuan Pengerusi:** Di bawah mana? Bukan SDO projek-projek di *state*, bukan SDO ya? Bukan?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Ya?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** *Direct* terus ya? Bukan di bawah Setiausaha Persekutuan, bukan?

**Seorang Ahli:** Tidak, tidak.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Kita minta Jabatan Audit Negara *brief* kita dahulu, silakan.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah (Audit Kerajaan Persekutuan), Jabatan Audit Negara]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Yang Berhormat Dato' Hasan bin Arifin, Pengerusi PAC, Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Naib Pengerusi,

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berbahagia Datuk Roosme Hamzah, Setiausaha Dewan Rakyat, pegawai-pegawai dari MoF, JPA, EPU dan Jabatan Akauntan Negara.

Terlebih dahulu saya berterima kasih kepada semua yang hadir. Pagi ini kita hendak membentangkan sedikit berkaitan dengan kajian yang telah kita laksanakan, Program Bekalan Air Luar Bandar khusus di negeri Sabah. Ini kerana program ini dijalankan oleh Jabatan Audit Negara cawangan negeri Sabah. Kita fokus *100 percent* di negeri Sabah.

**Tuan Pengerusi:** Dia punya *officer*?

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** *Officer* dari Sabah. Saya ingat dia punya Pengarah Sabah itu *on the way*. Dia masih *on the way*.

Sedikit penerangan berkaitan dengan Program Bekalan Air Luar Bandar ini. Ia merupakan salah satu di bawah Program Transformasi Kerajaan, GTP 1.0 dan juga GTP 2.0. Keseluruhannya ada RM2 bilion peruntukan dilaksanakan sebanyak 184 buah projek untuk negeri Sabah sahajalah di bawah...

**Tuan Pengerusi:** Sabah sahaja?

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Ya, Sabah sahaja. Ini Sabah sahaja, RM2 bilion ya kita belanjakan. *Okay, next. [Merujuk kepada slaid]*

Itu objektif program, "*Menyediakan kemudahan bekalan air bersih dan terawat agar taraf kesihatan masyarakat untuk luar bandar dipertingkatkan dan juga memperluaskan liputan bekalan air antara kawasan luar bandar di seluruh negara*". Ini objektif bekalan air luar bandarlah.

*Next. "Objektif program pengauditan adalah untuk menilai sama ada Program Bekalan Air Luar Bandar di negeri Sabah telah dilaksanakan secara cekap, ekonomik dan teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan. Iaitu bagi menyediakan kemudahan, memperluaskan liputan bekalan air terawat, bersih dan terawat di kawasan luar bandar".* Ini objektif biasalah dalam pengauditan apabila kita melaksanakan pengauditan prestasi.

#### ■1040

*Next.* Skop pengauditan adalah kita tengok daripada segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek bagi Program Bekalan Air Luar Bandar negeri Sabah yang dilaksanakan di bawah GTP 1.0 dan GTP 2.0 dan kita pilih 12 daripada 100 projek, 12 projek itu bernilai RM388.65 juta ataupun 19.4% daripada keseluruhan projek yang dilaksanakan.

Okey, metodologi macam biasa, menyemak dokumen di KKLW dan juga di Jabatan Air Negeri Sabah serta temu bual dengan pegawai-pegawai yang terlibat dalam menjalankan pengauditan. *Next.*

So, secara keseluruhannya, kita ada perkara-perkara yang baik daripada segi perkara baik yang kita lapor dalam laporan, ada yang dari segi perbelanjaannya, dari segi itu secara keseluruhannya baiklah. So, apa yang saya hendak fokuskan ada empat isu berkaitan dengan yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara.

*Next.* Ini ada empat isu. Pertama, isu yang kita bangkitkan adalah Projek Sistem Retikulasi negeri Sabah Zon Kota Belud tidak siap dalam tempoh yang ditetapkan. Ini maksudnya dalam pelaksanaan projek, banyak kelewatan dalam melaksanakan projek dan beberapa kelemahan daripada segi urusan

pelantikan dan juga pengurusan projek. Kedua, ketiadaan koordinasi antara unit di KKLW menyebabkan pelaksanaan Projek Bekalan Air di Kinabatangan, Sabah tergendala di mana koordinasi ini antara beberapa projek naik taraf jalan dan juga—so, kalau kita ada gambar-gambar di situ, cuba *link* kepada gambar.

Okey. Itu tengok batang-batang paip yang sepatutnya diletakkan tapi oleh kerana berlaku pembinaan jalan, so batang-batang paip dikumpulkan macam itu oleh kontraktor jalan menyebabkan kerugian. Bagi saya, unit air lagi kerosakan-kerosakan yang berlaku. Ini masalah yang kita lihat daripada segi penyelarasan program antara Projek Bekalan Air Luar Bandar dan juga projek pembinaan jalan, tak ada penyelarasan menyebabkan perkara-perkara tersebut berlaku. *Next*.

Ketiga adalah berkaitan dengan Projek Retikulasi di Pulau Gaya. So, kita telah membelanjakan sejumlah wang yang besar untuk membelanjakan projek tersebut dan akhirnya diputuskan status di Pulau Gaya ini status tidak sah. Maksudnya di sini kita telah...

**Seorang Ahli:** Maksudnya?

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** ...Tidak sah untuk hendak bekal bekal air. Saya ingat boleh tanya kepada negeri Sabah itu, daripada pegawai-pegawai. Maksudnya kita sudah belanjakan untuk 2,400 buah rumah siap tapi belum dapat buat kerana penyambungan dan pemasangan paip ke kampung-kampung dihentikan berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Negeri Sabah yang memutuskan status kampung di Pulau Gaya adalah tidak sah.

**Tuan Pengerusi:** Pelarian kah, banyak pelarian kah?

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Pulau Gaya. Ingat... [*Disampuk*] Itu jawapannya.

**Tuan Pengerusi:** Berapa pengundi di sana Yang Berhormat? Pengundi di...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Dia ada lebih kurang... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Pengerusi:** Di Pulau Gaya? Oh! Banyak.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Saya ingat boleh tanya kepada itulah *because* mesyuarat itu kata tidak sah. So inisiatifnya apa yang terpaksa kita boleh audit, kita...

**Tuan Pengerusi:** *So what is the status now?* Mereka dapat air atau tak?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Ceritanya panjang... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] [*Ketawa*]... *free settlement*...

**Datuk Rosmee binti Hamzah:** Yang Berhormat, nak *to be heard*?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Yang *boat people* yang tidak ada tempat berteduh. Dia hanya di bot, beranak sana kahwin sana, jadi Tun Mustapha bagi dia *settlement* di Pulau Gaya. Jadi kampung itu disahkan pada ketika Kerajaan USNO dulu. Jadi supaya anak-anak dia dapat pergi ke sekolah dan sebagainya, mendapat kemudahan. Akan tetapi kampung ini telah wujud dan kemudahan air dan jana kuasa elektrik tak ada sebab ini pulau. Ini kurang lebih 15 minit dari Bandar raya Kota Kinabalu. Jadi apabila saya menjadi wakil rakyat, saya melihat kasihanlah sebab ia bergantung kepada air perigi. Air perigi kalau kemarau, ia kering.

Jadi saya bawa sepuluh Ahli Parlimen melawat supaya kami di Parlimen ini menyokong saya untuk mendapat bekalan air dan jana kuasa elektrik pada ketika itu. *We*, tahun ini dengar saya punya suara itu. Selepas itu, dahulu Muhammad Taib jadi Menteri Luar Bandar saya berhubung dengan beliau, minta dilawat kawasan itu dengan bantuan daripada Ahli-ahli Parlimen yang lain. Jadi, Muhammad Taib pergi lawat ini dan saya minta juga peruntukan untuk perumahan dan saya diberi pada ketika itu 2,000 unit untuk pemindahan penduduk-penduduk yang duduk di atas paras air itu. Akan tetapi oleh kerana bidang kuasa kerajaan negeri ini—tanah ini dalam bidang kuasa kerajaan negeri. Jadi, itu tidak dapat dilaksanakan. Ada rancangan mungkin *under* SEDIA. SEDIA ini pembangunan *Sabah corridor* ya, *super corridor* bagi Sabah dan untuk mencantikkan wajah Kinabalu itu supaya perkampungan ini dapat dipercantik pada ketika itu.

Jadi saya rasa bukan soal tidak sah ini. Saya rasa kerajaan negeri berhasrat untuk *to reorganize*, *reorganize* status kampung itu. Jadi oleh kerana yang saya punya pemahaman, SEDIA sedang merancang untuk membangunkan balik, mencantikkan secara teratur dengan infrastruktur yang teratur, dengan infra untuk *sewerage*, air, pembuangan sampah dan sebagainya supaya kawasan ini dapat dibersihkan daripada bangunan-bangunan yang haram kerana ada kemasukan pendatang-pendatang yang sukar untuk dikenal pasti. Itu ia punya isu. *Security issue*.

Jadi, mungkin Kerajaan Negeri Sabah untuk mencadangkan, membangun kawasan ini di bawah SEDIA supaya tidak merugikan kerajaan, supaya penyambungan paip ini ada terlambat sedikit sebab elektrik sudah disambung semua kepada semua rumah. Ada dua projek ini, elektrik sudah disambung kepada semua rumah. Jadi ada konon yang dalam penyiasatan bahawa orang yang tidak layak pun dapat. Jadi ini saya fikir satu daripada punca, ada sebabnya. Jadi kerajaan tidak mahu rugi untuk menyambung kerana SEDIA ada rancangan untuk mempercantik kampung itu dengan kampung yang teratur. Itu saya punya...

#### ■1050

Jadi, soal pemindahan itu tidak timbul. Dia mahu juga rakyat di situ tinggal di sana dan ada yang golongan muda-muda ini tidak lagi minat untuk tinggal di perkampungan di atas paras air dan mereka sudah berpindah di *mainland*, tinggal di *apartment*. Jadi golongan yang dulu-dulu punya yang masih aktif lagi dalam proses nelayan, dia masih lagi pergi ke laut, jadi ini orang lama-lama itu, yang masih lagi berminat untuk tangkap ikan.

Sekarang kita lihat penangkapan ikan di pesisiran pantai itu tidak lagi begitu baik sebab kebanyakan dia punya tangkapan itu tidak cukup kerana *coral* pun sudah macam-macam lah masalahnya. Pendapatan daripada nelayan kecil ini agak berkurangan. Jadi kerajaan berhasrat untuk membuat sesuatu untuk meningkatkan pendapatan untuk para nelayan ini. Itu yang saya punya fahaman.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Saya rasa betullah sebagaimana apa yang dijelaskan cuma yang saya baca, kalau boleh saya baca petikan dari laporan audit. Lawatan audit ke projek pemasangan paip bekalan air Pulau Gaya fasa 1 mendapati projek telah diperaku siap pada 13

September 2013. Projek ini meliputi kerja pemasangan paip, penghantaran paip, paip agihan, tangki dan takungan air. Jumlah kos projek ini adalah RM92 juta.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** RM93 juta.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** RM92 *point something* lah...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]...daripada...

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Okey. Bilangan rumah yang disasarkan akan mendapat akses bekalan setelah projek ini siap adalah 2,441 buah rumah. *Testing and commissioning* yang dijalankan menunjukkan projek telah beroperasi sebagaimana yang mengikut reka bentuk. Namun setakat tarikh lawatan audit pada April 2015, projek belum beroperasi.

Jabatan Audit mendapati Jabatan Air Negeri Sabah telah mengarahkan kontraktor untuk memberhentikan kerja penyambungan dan pemasangan paip ke Kampung Kesuapan, Lok Baru, Lok Urai berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Bersepadu Pulau Gaya, Kota Kinabalu Bilangan 2/2012. Mesyuarat mengatakan kampung di Pulau Gaya berstatuskan kampung tidak sah dan akan dipindahkan ke kawasan penempatan semula macam Tuan Pengerusi kata, Kampung Gusi, Kinarut. Mesyuarat turut memutuskan kemudahan air, rancangan ini untuk membekalkan air itu kepada kawasan ESSCOM. Itu apa yang kita dapat dan memang betul-tulah.

Akan tetapi isu yang kita bangkitkan di sini adalah perancangan, mengapa dalam melaksanakan projek tersebut tanpa mengambil kira apa-apa keputusan. Kita sudah siap untuk melaksanakan projek tersebut, tiba-tiba macam halangan-halangan daripada melaksanakan projek tersebut. Itu sahaja apa yang kita laporkan pada masa itulah, Tuan Pengerusi.

Yang keempat berkaitan dengan ini biasalah projek bekalan air, prestasi penyambungan meter oleh pengguna yang kita lihat bagi lima projek bekalan air yang telah siap dan beroperasi berada di tahap rendah iaitu 38.4% berbanding dengan jumlah liputan yang disasarkan. Maksudnya di sini hanya bila kita hantar bekalan, penyambungan meter oleh penduduk hanya 38% sahaja berbanding dengan sasaran yang telah kita tetapkan. Maksudnya tidak tercapai. Ini masalah yang saya rasa di Semenanjung pun berlaku.

**Tuan Pengerusi:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** *Last mile*, maksudnya di sini kalau dalam kontrak, untuk mendapat bekalan air kalau mengikut biasanya tuan rumah perlu berhubung dengan pihak bekalan air untuk hendak sambung meter ke rumah dia menyebabkan air boleh mengalirlah. Itu dari segi kontrak.

Jadi kita lihat, maksudnya di sini walaupun kita sudah pasang, hanya 38% sahaja orang yang walaupun *meter stand* itu sudah ada, tidak disambungkan. Sebab yang biasa dikemukakan oleh kerana mungkin untuk peruntukan, untuk hendak buat penyambungan *because* peringkat kontrak hanya menyediakan setakat *meter stand* sahaja dan proses kos untuk hendak sambung ke rumah biasanya adalah...

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Tanggungjawab isi rumah itu.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** ...Tanggungjawab isi rumah atau pemilik. So, di situ ada kos yang walaupun tidak banyak tetapi kemampuan pemilik untuk mendapat peruntukan kewangan, punca kewangan untuk berbelanja tersebut. Itu sahaja Yang Berhormat, empat isu yang telah kita bangkitkan. Ada tiga, nombor dua, tiga dan empat itu kalau hendak tanya dengan KSU ataupun pegawai-pegawai yang berkaitan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Tidak banyaklah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Tuan Pengerusi, isu yang penyambungan meter. Kalau alasan dia kampung itu tidak sah, bagaimana pula kalau kampung yang sah? Kenapa tidak disambung? Ada...

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Nanti Yang Berhormat boleh tanya...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Sebab dalam penyiasatan audit, kita ada menyatakan 38% yang telah disediakan untuk penyambungan kepada rumah individu. Adakah pihak audit melihat perkara itu dan juga perkara paip yang telah dibeli tidak terpakai, tidak berguna kerana arahan untuk menghentikan projek itu. Saya rasa ada paip-paip yang dibawa daripada tempat yang lain. Adakah pihak audit mengambil kira kos dalam RM92 juta itu melibatkan paip, mungkin dikira pada projek yang lain juga.

Ada paip-paip yang tidak berguna untuk penyambungan kepada kampung yang seterusnya apabila projek ini ditangguhkan.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Saya boleh... jawapan sebagaimana yang ada dalam laporan audit. Kempen untuk penduduk kampung sedang giat dilaksanakan oleh Jabatan Bekalan Air Negeri Sabah di peringkat daerah. Secara umumnya penduduk yang tidak menyambung bekalan air adalah disebabkan sebagaimana yang saya kata tadi, mereka tidak berkemampuan untuk membayar kos penyambungan paip air dari *meter point* ke rumah itu.

Penduduk juga mempunyai sumber air alternatif yang sedia ada yang percuma seperti telaga dan sumber air graviti. So, itu salah satu sebab-sebab mengapa mereka tidak menerima pemasangan meter seperti mana yang saya katakan tadilah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Dia bayar RM8 satu *jerrycan* itu tiap-tiap hari.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi rumah-rumah atas air tidak ada atau ada? Rumah-rumah atas air.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Tiada air, dia beli, ada orang *supply* air.

**Tuan Pengerusi:** Rumah atas air tidak ada? Dahulu dia orang duduk... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Sekarang dia memang beli air dan...

**Tuan Pengerusi:** Bukan, rumah orang atas air?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Masih ada.

**Tuan Pengerusi:** Masih ada?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Semua keseluruhan itu rumah atas paras air. *All*, semua rumah itu di paras air.

**Tuan Pengerusi:** Rumah yang kata duduk dalam bot, anak-beranak semua dalam bot itu...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Itu tidak ada lagi, tidak ada lagi. Sudah kena *resettle* penempatan. Yang saya kata ini kononnya mereka masih menggunakan air telaga itu memang betul dan masa yang sama dia orang juga beli air terawat melalui *jerrycan* dengan harga RM8 bagi satu *jerrycan*.

**Tuan Pengerusi:** Mereka beli?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Ya.

*[Saksi-saksi dari kementerian dan jabatan mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]*

#### ■1100

**Tuan Pengerusi:** *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Yang Berbahagia Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kedua, Encik Teo Chee Keong, Timbalan Pengarah Jabatan Air Sabah dan ketiga, Encik Murad bin Abd. Rashid, Ketua Penolong Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah (UPEN). Dia KSU boleh datang. Kenapakah KSU datang sendiri? Kenapakah Pengarah Air tidak boleh datang? KSU itu sendiri, dia ketua setiausaha, dia datang sendiri. *How important PAC is*, dia sendiri datang? Dia tahu *the status of PAC*. So, saya mahu tahu kenapa Pengarah UPEN tidak boleh datang? Pengarah UPEN Sabah?

**Encik Murad bin Abd Rashid [Ketua Penolong Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah]:** Ya, *actually* Datuk Pengarah UPEN menghadiri satu lawatan projek di Keningau bersama dengan Ketua Menteri Sabah, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya tidak. *PAC is the highest authority*, lebih besar daripada Ketua Menteri Sabah. Status PAC, ia lebih besar daripada Ketua Menteri Sabah. Kita boleh panggil Ketua Menteri Sabah di sini. So, kita tidak *happy* kenapa pengarah tidak datang. Pengarah ini, Pengarah Jabatan Air?

**Encik Teo Chee Keong [Timbalan Pengarah Jabatan Air Negeri Sabah]:** Ya, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, disebabkan pengarah kami tidak dapat hadir pasal ada perbincangan dengan Menteri kami dan esok ada lawatan Ketua Menteri ke Daerah Ranau, esok.

**Tuan Pengerusi:** Saya boleh batalkan mesyuarat hari ini tau. Akan tetapi saya kasihan kepada KSU sahajalah. Saya boleh batalkan *unless the head of department* datang. Kita kena rekodkanlah. Kita tidak-rasa dukacita kenapa Pengarah Jabatan Air, sebab itu masalah air mungkin banyak di Sabah. Jawapan itu tidak betul, kalau diberitahu kepada Ketua Menteri Sabah bahawa dia dipanggil oleh PAC, pasti Ketua Menteri Sabah kata pergi ke PAC. Dia punya jawapan. *[Disampuk]*

Tidak-dia ini, *Parliament is the highest legislative in the country and PAC is the* sebahagian daripada Parlimen. *Normally*, kita tidak akan terima penjelasan daripada timbalan pengarah melainkan sakit kah, melainkan kalau jawapan dari Ketua Menteri, tidak boleh diterima sebab itu. Oleh sebab Ketua Menteri tahu dan kalau ditanya Ketua Menteri, mesti Ketua Menteri akan kata pergi kepada PAC. *You* beritahu dia ya. *Federal officer* ini kan? Encik Murad, daripada UPEN? *State?* Jangan *you* pula tidak hormat *federal body* pula. *[Ketawa]* Siapa *you* punya Pengarah UPEN sekarang, siapa?

**Encik Murad bin Abd Rashid:** Datuk Osman Jamal.

**Tuan Pengerusi:** Okey, Pengarah Jabatan Air?

**Encik Teo Chee Keong:** Encik Awang Mohd Tahir bin Mohd Talib.

**Tuan Pengerusi:** Ya, okey. Tidak mengapalah, oleh sebab KSU berasa dia bertanggungjawab, kita ucapkan terima kasihlah kepada Dato' KSU kerana hadir pada hari ini untuk bincangkan satu perkara yang penting, bekalan air luar bandar. Saya nampak Kerajaan Federal bagi dalam Rancangan Malaysia Kedua berapa tadi, RM2 bilion kepada Sabah. Tahun 1974 sebanyak RM2 bilion, banyak duit ini. Okey, ada apa-apa hendak jelaskan? Ya, silakan KSU.

**Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman [Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC juga daripada MoF, dari Jabatan Ketua Audit Negara. Begitu juga pada pagi ini bersama-sama saya ialah Encik Murad bin Abd Rashid, KPP daripada UPEN di sebelah kanan dan di sebelah kiri saya ialah *engineer* Teo Chee Keong, Timbalan Pengarah Jabatan Air Negeri Sabah.

Untuk makluman Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC semua, semasa Audit mengenal pasti masalah air di Sabah ini, kita dapati ada lima isu yang utama. Akan tetapi empat telah dapat diselesaikan manakala hari ini kita akan menumpukan kepada satu yang masih dalam tindakan. Jadi, yang satu ini memang menjurus kepada pelaksanaan bekalan air yang kita sudah beri kepada Pulau Gaya sebanyak RM93 juta tetapi pada awalnya, tumpuan ialah untuk memberikan faedah sasaran kepada 2,441 buah rumah di Pulau Gaya.

Akan tetapi hanya apabila kita sudah siap, ia hanya memberikan penyambungan kepada pejabat ESSCOM, sekolah dan Gayana Resort tetapi tidak kepada kampung-kampung yang berdekatan. Jadi, saya rasa untuk menjelaskan bagaimana perkara ini berlaku, saya minta supaya Encik Murad bin Abd Rashid daripada UPEN memberikan penjelasan. Sekiranya ada perkara-perkara yang beliau tidak dapat jelaskan yang saya boleh bantu, saya akan bantu. Jemput Encik Murad. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Encik Murad bin Abd Rashid:** Selamat pagi Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC yang lain. Sehingga kini, kenapa penyambungan *water* ke kampung berkenaan ditangguhkan disebabkan kerajaan negeri mempunyai perancangan pembangunan ke atas pulau tersebut. Jadi, atas alasan tersebut, *state government* terpaksa untuk menangguhkan sementara penyambungan air ke pulau-pulau yang berkaitan di Pulau Gaya, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Itu sahaja?

**Encik Murad bin Abd Rashid:** Ya.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Kerajaan negeri ada perancangan tetapi tidak ada *coordination* dengan Kerajaan Persekutuan kah atau Kementerian Luar Bandar dan Wilayah bagaimana untuk selesaikan masalah ini?

**Encik Murad bin Abd Rashid:** Okey, buat masa ini *state government* ada peruntukan yang disalurkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Negeri Sabah melalui Dewan Bandaraya Kota

Kinabalu untuk menyelesaikan masalah air tersebut dengan membekalkan tangki-tangki pukal ke atas kampung-kampung berkaitan. Ini kita akan *supply* tangki.

■1110

**Tuan Pengerusi:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Encik Murad bin Abd Rashid:** Tidak melalui peruntukan kerajaan negeri. [*Disampuk*] Tidak, *maybe I will let Water Department to explain.*

**Encik Teo Chee Kong:** Tuan Pengerusi...

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Sekejap, sekejap Dato'. Tadi kata tidak dibekalkan dengan percuma tetapi kita ada satu masalah. Tadi ada satu laporan daripada Audit mengatakan hanya 38.4% sahaja liputan rumah itu. Maksudnya sudah ada paip tetapi orang tidak pasang itu.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Yang Berhormat, tadi isu lain, ini kita bincang Pulau Gaya. Saya rasa yang kita bincangkan ini pasal status itu adalah hendak jawapan pada Pulau Gaya yang mana kita telah belanja peruntukan RM92 juta untuk 2,441 pemilik rumah dan akhirnya ianya diberhentikan oleh kerajaan negeri dan menyebabkan ianya tidak dapat dilaksanakan. Dia punya *way forward* cara hendak penyelesaian, dia hendak hantar bekalan air tersebut kepada ESSCOM.

Isu yang dibangkitkan oleh Audit adalah kita telah belanja. Kenapa di peringkat awal perancangan kita melaksanakan projek tersebut dan akhirnya sampai kerajaan negeri terpaksa *stop* projek tersebut dan kita telah belanja dah RM92 juta. Itu isu yang berkaitan dengan yang telah dibangkitkan.

**Tuan Pengerusi:** Kemudian, status tanah itu macam mana? Status tanah?

**Encik Teo Chee Kong:** Tuan Pengerusi, status sekarang bekalan air hanya dapat dibekalkan kepada Sekolah Menengah Pulau Gaya (SMK) dan ESSCOM yang kawal kawasan itu dan juga kepada Gayana Resort. Encik Murad tadi cakap itu mengenai dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan menyalurkan peruntukan kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu untuk melaksanakan lima kampung itu, untuk mendapatkan tangki-tangki di setiap kampung yang saiznya 3,000...

**Tuan Pengerusi:** Maksud saya, kalau kerajaan negeri ada perancangan, adakah bekalan air ini menghalang kepada perancangan masa depan? Maksudnya, *what is the status...* Saya tanya tadi status tanah. Status tanah di situ. Status tanah di situ sama ada setinggan kah atau ada hak milik kah? Macam mana status tanah di situ? Dia ada hubung kait dengan perancangan masa depan. Kalau status tanah itu setinggan, maksudnya bagilah bekalan air. Bila kerajaan negeri hendak ambil alih, ambil alih lah. Potonglah bekalan air.

Apa status tanah di Pulau Gaya? Dia ada hubung kait dengan perancangan sebab *you stop*. Maksudnya seolah-olah *you*—saya tidak ada nampak justifikasi untuk *stop*. Kalau tanah itu tanah geran, mungkin senang *you* hendak *acquire* tetapi kalau tanah itu tanah setinggan statusnya, hendak *supply it's nothing wrong to supply* air.

Kemudian esok, kalau *you* hendak *acquire*, katalah hendak jadi *tourism project* di situ, *the whole island* hendak jadikan *tourism*, *you* hendak pindah kan secara besar-besaran pulau itu. *Nothing's wrong.*

Tidak ada. *Government* ada mempunyai peruntukan-peruntukan yang tertentu di bawah Kanun Tanah Negara boleh mengambil alih tanah, memindahkan orang tetapi *stop* air ini satu perkara yang agak-kenapa kerajaan negeri putuskan begitu? Itu yang pelik sedikit lah, pelik.

Kemudahan Kerajaan Federal bagi. *So you incurred more cost, you know.* Daripada Kota Kinabalu pula *supply* air, Majlis Perbandaran. Adakah ada *legal issue* atau pun kenapa? Adakah sengaja sahaja? Tidak mungkin sengaja sahaja dia hendak *stop*. Mesti ada *legal issue* atau pun...

**Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman:** Tuan Pengerusi, itu yang sebelum kita datang pun kita ada buat *pre-council* juga. Jadi, sebagai *federal* ini saya bercakap lah. Ingat tidak? Ada yang Audit jumpa keputusan kerajaan negeri yang mengatakan bahawa pulau itu tidak sah. Itu memang ada tetapi saya bangkitkan kepada pegawai saya. "*Why you tidak stop perkara ini?*" Rupanya bila kita sudah masuk projek itu, setengah. Bila kita sudah masuk, sudah lantik, semua kerja sudah buat. Jadi, di pertengahan jalan. Maksudnya, kalau kita hendak membatalkan projek itu pun kita sudah bawa, kementerian mengatakan tidak wajarlah kita pula membatalkan walaupun keputusan kerajaan negeri itu kata pulau itu tidak sah.

Cuma, kita tanya dengan *state*. Pulau itu tidak sah pada mesyuarat dia tetapi selepas itu ada tidak perkara itu dibawa balik? Dibawa balik, mengatakan sah kah, dikaji semula kah. Jadi, kalau misalnya pulau itu sudah diiktiraf sebagai tidak sah, *you* minta ini seolah-olah Kerajaan Federal pula membantu tanggungjawab kerajaan negeri buat air kan. Itu tidak patutlah. Akan tetapi perkara ini sudah dikaji Tuan Pengerusi. Saya kata... "*Why, tiba-tiba you kata tidak sah?*" Seolah-olah macam *you* hendak ubah pulau ini. Kita pula tanggung 100%. Itu tidak betullah. Patutnya *state* tanggung, kalau tidak pun sama-samalah kan.

**Tuan Pengerusi:** Tidak, cuma itulah saya katakan kalau bekalan air sudah ada, *you incurred more cost to supply water* kepada penduduk di sini walhal *you* boleh *supply* walaupun status tanah itu sah tidak sah. *Supply* tidak ada kena mengenanya dengan status. Kalau katalah *you* hendak *acquire the whole island, acquire* lah kemudian ya. Kalau *you* kata hendak...

**Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman:** Dia sebenarnya Tuan Pengerusi, dengan PAC ini kita kena berterus terang. Sebenarnya bila dia sudah buat itu, kemudian ada perancangan daripada kerajaan negeri untuk menjadikan Pulau Gaya ini pulau pelancongan. Jadi, bila keadaan itu berlaku, kampung-kampung ini akan dipindahkan ke *mainland*. Jadi, maknanya kawasan-kawasan untuk pemindahan itu pun telah dikenal pasti tetapi isunya, itulah macam Tuan Pengerusi cakap lah. Patutnya sambung sahajalah. Esok, kalau hendak pindah ini bukan dua hari. Kurang-kurang dua tahun hendak pindahkan. Ada yang hendak, ada yang tidak hendak, ada yang hendak, ada yang tidak hendak. Lori tidak ada hendak angkut pula kan.

Jadi dua tahun. Jadi, tidak apalah. Dua tahun itu kalau kita tidak mahu sambungkan kepada rumah pun *stand pipe* macam rumah setingan kita kan. Kita ada *stand pipe*. Dia bersambunglah pakai wayar itu. Jadi, itulah isu dia. Sepatutnya bekalan air sudah sampai. Pakai sahaja dahulu. Itu sahaja lah.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Dato, saya ingin tahu peringkat awal semasa persetujuan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, adakah kerajaan negeri tidak tahu ada peruntukan sedemikian, projek itu akan dijalankan dari peringkat awal? Tidak dapat persetujuan daripada peringkat negeri kah untuk pelaksanaan projek itu?

**Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman:** Saya rasa dari segi permohonan projek ini, biasanya daripada kerajaan negeri, UPEN memberikan keutamaan. Misalnya, keutamaan akan memohon untuk bekalan air di Pulau Gaya. Jadi, kerajaan negeri memberikan keutamaan dan kita di *federal* akan tengok. Kalau senarai projek itu misalnya sampai 100, kita fikir tahun ini duit untuk 10 projek, kita beri 10 lah dan Pulau Gaya ini termasuk prioritilah.

**Tuan Pengerusi:** Dari segi *justification* memanglah, berapa ribu orang. Maknanya *to lay pipe from mainland to the island* berdasarkan kepada jumlah penduduk itu memang justifikasi yang tinggi. *Supply* berapa, 3,000?

**Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman:** Yalah, kalau 2,400 darab lima, kalau satu rumah lima orang, itulah.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya 90 juta, dasar laut sahaja.

**Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman:** Ya, ada masuk.

**Tuan Pengerusi:** Dasar laut. Ini pertama kali dasar laut dalam bekalan air dalam negara kita?

**Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman:** Ada juga.

**Tuan Pengerusi:** Mana lagi?

**Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman:** Di Pulau Banggi adakan. Tanjong Manis.

**Tuan Pengerusi:** Di Malaysia tidak ada kan?

**Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman:** Di Semenanjung.

**Tuan Pengerusi:** Di Semenanjung.

**Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman:** Di Semenanjung tidak ada. Mungkin kita hendak buat dekat Raub... [Ketawa]

**Tuan Pengerusi:** Pulau Tioman jauh sangat, 50, tidak boleh. Maknanya, ini pertama kalilah maknanya buat dasar laut untuk keperluan penduduk. *It's noble idea. It is good and...*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, bilakah Jabatan Bekalan Air di Sabah ini tahu Pulau Gaya ini akan dijadikan pulau pelancongan? Kalau tahu, mengapa tidak memberitahu kepada pihak pusat? Jadi, itulah masalah.

**Encik Teo Chee Kong:** Tuan Pengerusi, mengenai dengan projek ini. Projek ini diaward, diserahkan tapak pada 26 Disember 2011. Tarikh siap sebenarnya EOT adalah enam bulan, 13 September 2013 *while* projek itu sedang dijalankan. Dalam 2012 *around* Jun atau Julai itu, ada mesyuarat kita dengan PEMANDU Pulau Gaya ini mengenai projek dipengerusikan oleh Yang Berhormat Tan Sri Setiausaha Kerajaan Negeri memberitahu menanggungkan penyambungan paip ke kampung-kampung. Projek itu sudah jalan setahun lebih. Dekat setahun baru kita akan umumkan, dimaklumkan pada masa itulah.

## ■1120

**Tuan Pengerusi:** Masa tu *Minister Mat Taib* kah? Tidak, saya punya *reasoning* begini. Katakanlah kerajaan hendak jadikan itu pelancongan, *it's nothing wrong*. *Yes you can*—kata lah hendak jadi apa pun, pulau itu nak jadi istana atau apa-apalah. Air sudah ada, makna *Federal Government* dah bagi, bagi lah. Maknanya begini, kita melihat dari segi aspek *dollars and cents*. *Federal Government* dah spent 90 million and you have to spend more to supply water because you tak gunakan *the existing pipe* ni. *You* kena guna peruntukan. *I am sure* Jabatan Bekalan Air Sabah guna peruntukan lain untuk *supply* air. Walhal *supply* yang sudah ada tidak digunakan, itu justifikasi yang sangat tidak munasabahlah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Selepas...

**Encik Teo Chee Keong:** Okey, selepas yang ditangguhkan, jadi sebahagian projek pun sudah dimulakan dan lepas itu kita kasi siapkan projek ini, *pump house* dan juga tangki-tangkilah di Pulau Gaya. Disebabkan ada juga ESSCOM masuk dan sekolah dibekalkan air. Selepas siap projek itu, terus kita dapati, mesyuarat dengan DBKK dengan wakil rakyatlah di sana, mengenai dengan bagaimana di kampung-kampung ini tidak dapat air. Jadi dengan mesyuarat itu, kita bukan DBKK, kita mengadakan satu persetujuanlah untuk merealisasikan projek ini juga, kasi bekalan air kepada penduduk 2,441 isi keluarga di sana.

Dengan itu kami ada mesyuarat tiga empat kali dengan akhirnya Encik Murad sudah cakap tadi, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) akan memberikan peruntukan kepada DBKK untuk membuat tangki-tangki pukal lah kepada lima kampung itu. Tiap-tiap tangki itu akan dipasang satu meter pukal dan akan dijaga oleh JKK kampung-kampung tersebut untuk membekalkan air kepada pengguna, penduduk di sanalah.

Jadi ini adalah penyelesaian yang menyeluruh supaya hasrat atau dasarnya projek ini, memang kita pada dasarnya mahu projek ini membekalkan air kepada orang kampung. Cuma penangguhan itu yang memberikan kita tidak dapat bekal. Selepas itu, persetujuan dengan Jabatan Air DBKK dan ahli dewan wakil rakyat di sana. Dengan itu kita akan mendapatkan peruntukan melalui DBKK untuk pasang tangki.

**Dato' Mohd Arif Bin Abdul Rahman:** Dia sebenarnya, Tuan Pengerusi, penangguhan ini selama dua tahun. Baru-baru ini barulah kerajaan negeri memberikan surat kepada Jabatan Bekalan Air, apa semua. Sudah bersetuju dalam masa 60 hari ini, sebenarnya dia sudah *order* sudah barang-barang dan akan diselesaikan dan akan disambung.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Okey...

**Dato' Mohd Arif Bin Abdul Rahman:** Sama ada perkara ini telah disampaikan kepada Yang Berhormat atau tidak, tak tahu lagi lah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh :** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Ya...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Sebab oleh sebab wakil rakyat disebut-sebut beberapa kali, walaupun saya ahli PAC, sepatutnya saya menggoreng sama dia orang. Akan tetapi kerana wakil

rakyat yang disebut oleh KSU, saya terpaksa cakap juga lah. Sebenarnya apa yang berlaku memang pada dasarnya hasrat Kerajaan Pusat ini memang begitu prihatin, dengan kesengsaraan penduduk-penduduk Pulau Gaya pada ketika itu memang hasrat yang murni, hasrat yang baik. Saya mengucapkan terima kasih kepada KSU. KSU KKLW lah, Menteri lah, KKLW *federal*, KPLB itu negeri. Saya tak cakap KPLB saya cakap KKLW, pada ketika itu bukan KKLW kan?

So, dulu apabila Menteri baru pada ketika itu Tan Sri Muhammad Taib melawat dan melihat keperluan untuk membekal bekalan air dan jana kuasa elektrik dan itu terus diluluskan, peruntukan begitu besar kerana memerlukan *submarine pipe* daripada *mainland*. Masa itu tidak ada langsung rancangan untuk mengemaskinikan atau mempercantikkan kawasan-kawasan perkampungan. Soal Pulau Gaya ini sah atau tidak sah tidak timbul sama sekali. Pulau Gaya itu memang sah sebagai pulau. Ya dan sah ada penduduk-penduduk di sini, memang sah, Dato' KSU.

Penduduk di sana ada lebih kurang 10 ribu orang. Pengundi ada lebih kurang empat ribu lebih orang, jadi ramai. Seramai 90% pengundi ialah Barisan Nasional. Kita pada ketika itu saya membawa 10 orang Ahli Parlimen melawat kawasan tersebut. Termasuk bekas Ahli Parlimen Langkawi...

**Tuan Pengerusi:** Bukan sekarang?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Dato' Bakar. Mereka melihat dan mereka menyokong saya supaya pulau ini dibekalkan dengan bekalan air yang bersih. Pada ketika itu musim kemarau, melihat perigi-perigi dengan air yang keruh dalamnya kurang lebih 3 inci dan dikutip pada setiap jam, pada ketika itu. Penduduk di sana terpaksa membeli air dengan harga RM8 hingga RM10 satu *jerrycan* untuk mereka minum, mandi dan mandikan anak-anak mereka pada ketika itu. Kesian.

Jadi kita telah pun mendapat projek itu dengan terus. Pada tahun 2011 saya rasa dan rakyat begitu meriah sekali apabila mendengar projek itu telah dilaksanakan. Walau bagaimanapun, perkampungan itu memang kita telah janjikan untuk membekalkan pada setiap rumah. Apa yang berlaku selepas itu, oleh kerana keadaan keselamatan di negeri Sabah telah menjadi satu *awareness* bahawa Pulau Gaya ini juga dilihat sebagai kawasan yang perlu difokus, dipantau.

Sebab, walaupun pada suatu ketika rakyat yang duduk di Pulau Gaya itu adalah satu *settlement* pada Kerajaan USNO semasa itu di mana kita *settle* semua yang *boat people*, *Ubian group settle there* supaya dia orang dapat pendidikan sekolah dan sebagainya, *infra* kesihatan dan lain-lain. Ya, juga sekolah dewasa kita wujudkan di Pulau Gaya pada ketika itu. Keselamatan pada ketika itu tidak ada langsung jadi persoalan, hanya yang baru-baru, yang mana aktiviti pemerdagangan, aktiviti *smuggling*, benda-benda yang haram, yang terhalang berlaku, apa yang dikatakan Pulau Gaya ini sebagai satu *entry*. Oleh sebab itu kita adakan *taskforce* di Pulau Gaya. Aktiviti pelancongan telah pun aktif bersebelahan pulau itu dan hotel pun sudah ada. Kita ada merancang untuk mempercantik kawasan pulau itu terutama sekali dalam bentuk keselamatan, kedua kebersihan.

■1130

Kita kalau melihat sampah sarap yang terapung-apung di perairan depan Bandar raya Kota Kinabalu, dengan buktinya kita melihat plastik-plastik dan yang melibatkan apabila tersangkut dengan

*motorboat*. Jadi Koridor Pembangunan Sabah, nama SEDIA dalam melihat perkara ini amat perlu dibangunkan. Jadi cadangan Kerajaan Negeri Sabah untuk membangun bukan sahaja di Pulau Gaya tetapi semua perkampungan perairan di sekitar Sembulan, Tanjung Aru dan di Putatan itu akan dirancang secara teratur, secara moden yang mana penduduknya dapat ditempatkan dengan kemudahan-kemudahan yang tertentu dan moden. Jadi, sebab itu kita kena—*we are caught in between*.

Sebenarnya bekalan elektrik sudah *disupply* kepada setiap rumah dan apabila kerajaan negeri—disebabkan dengan *security*, keselamatan negeri Sabah itu maka kerajaan negeri bercadang untuk mengemaskinikan perkampungan-perkampungan persekitaran Kota Kinabalu. Jadi itulah satu penyebabnya kenapa projek bekalan air ini dihentikan dengan tiba-tiba. Jadi bukan soal pemindahan sebenarnya. Penduduk-penduduk itu mungkin diserapkan dalam program-program pelancongan di kawasan tersebut. Soal pemindahan ke tempat yang tertentu itu tidak timbul sama sekali. Kerajaan mengharapkan penduduk-penduduk dapat memainkan peranan untuk *tourism*. Golongan muda itu mungkin mereka punya pilihan sendiri untuk pindah ke rumah-rumah bertingkat. Jadi yang lain itu golongan-golongan yang masih lagi menjalankan aktiviti sebagai nelayan kecil, maka kita kekalkan dan ini sebagai penarik kepada pelancongan.

Jadi fasa pertama itu kita pun tidak lagi laksanakan di perairan Tanjung Aru, di mana jambatan dengan konkrit, dengan cara teratur, dengan infra pembetulan najis dan sebagainya. Pengutipan sampah dan sebagainya, air yang tertentu, dengan lampu yang cantik. Ini kita menjadi penarik kepada pelancongan. Ini satu daripada rancangan Pembangunan Koridor Negeri Sabah. Ini tidak bermaksud untuk kita hentikan projek itu dan kampung itu dapat dipindah. Itu sahaja penjelasan saya sebagai wakil rakyat kerana wakil rakyat disebut-sebut tadi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya berharaplah projek ini dapat dijayakan dengan baik. Pentingnya, hari ini kita hendak tahu sejak tahun 2011, peruntukan diadakan lebih RM90 juta tidak?

**Seorang Ahli:** RM93 juta.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** RM93 juta ini saya hendak tahu, daripada bermulanya projek sampai ditangguh dan disambung semula, adakah itu pembaziran wang? Kalau ada, berapa wang dibazirkan? Itu yang kita hendak tahu, itulah tugas kita.

**Tuan Pengerusi:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman:** Kalau daripada segi apa, saya ingat Timbalan Pengerusi saya rasa pembaziran itu tidak ada, sebab tanggungjawab Kerajaan Federal memberikan peruntukan itu, peruntukan sudah siap dan bayaran RM93 juta pun kita sudah hantar dan bayar kepada kontraktor, itu sahaja. Jadi, sebahagian itu untuk dimanfaatkan oleh ESSCOM itu semualah. Daripada segi pembaziran *on paper* itu, rasanya tidak ada, tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasihlah Yang Berhormat Putatan menjawab bagi pihak UPEN.  
[Ketawa]

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Tuan Pengerusi...

**Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman:** Dia memang sudah janji dengan saya Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Memang...

**Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman:** Bahawa perkara ini dia akan bantu.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Bagi saya, dari segi Audit, kita tidak tengok pembaziran itu sebagai pembaziran kerana kalau sebagaimana apa yang dijawab tadi ada, akan digunakan hantar pada ESSCOM atau sekolah. Cuma apa yang kita bangkitkan di sini tadi, yang dilaporkan adalah objektif asalnya, objektif asal untuk membekal air terawat kepada penduduk. Okey, itu sahaja. Objektif hendak menjalankan projek itu hendak bekal air kepada penduduk, semua penduduk dan projek itu telah pun dilaksanakan cuma *distop* walaupun semua sudah siap untuk tunggu bekalan. Ia *distop*. Bagi saya jawapan Yang Berhormat Putatan tadi memang jelaslah.

Sebenarnya tidak dijawab oleh kerana isu keselamatan. Maknanya, jawabnya hendak hantar bekalan. Bagi saya kalau dijawab isu keselamatan tadi sebagai asas mungkin tidak *because* – tidak timbul jadi masalah itu. Ini kerana apa yang saya tengok di sini, apa yang kita tengok awalnya adalah daripada segi perancangan. Sepatutnya apa-apa projek kita hendak laksanakan, masa perancangan itu *engagement* dengan kerajaan negeri macam mana, apa *engagement* dengan kerajaan negeri? Kita hendak projek ini, apa pandangan kerajaan negeri kita hendak buat projek sini? Apa ulasan kerajaan negeri, bolehkah atau tidak boleh? Apa rancangan masa depan dia?

So, itulah perkara-perkara, input untuk projek itu dilaksanakan sebelum ditender, sebelum kita tender projek. Itu *engagement* yang kita cuba lihat. Cuma saya lihat di sini kemungkinan oleh kerana apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Putatan tadi seolah-olah *because* timbul keselamatan ini hanya baru sahaja. Apabila isu keselamatan ini timbul setelah projek telah pun diaward, timbul sebagaimana yang dijawab oleh Yang Berhormat Putatan tadi, maka mungkin ada kewajarannya kita hendak *sort* tetapi isu pula ini bekalan air, *it is a basic need of the people*.

Apabila *basic need*, kalau kita lihat pula, kenapa kita hendak hentikan? *It is a basic need*. Yang Berhormat pun berkata ia ada 4,000 lebih pengundi dia. So, kenapa kita hentikan *basic need* itu? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang ini sudah pulihkan semula, betul ini?

**Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman:** Kita sudah, kalau ikut perjanjian dia memang dalam masa 60 hari, dua bulan ini, sekarang ini sebahagiannya pemasangan telah dibuat. Jadi maknanya kerajaan negeri pun sudah diberi peruntukan untuk dia orang sambung untuk membuat loji-loji.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Okey...

**Tuan Pengerusi:** Betul ini UPEN dengan itu? *Can you confirm this one because you are from the state?* Kita hendak minit ini.

**Encik Teo Chee Kong:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya?

**Encik Teo Chee Kong:** Kami dapat surat daripada pegawai pembangunan masyarakat (PPM) tentang melaksanakan projek melalui KPLB punya peruntukanlah, Kementerian Pembangunan Luar

Bandar akan menyalurkan peruntukan kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) untuk melaksanakan penyambungan tangki-tangkilah, untuk tangki-tangki pukal. Setiap kampung ada satu tangki dan JKK akan menyelia dan mengawal tangki-tangki dan membayar meter yang kami baca itu dia akan bayar dan mereka akan membekalkan air kepada penduduk kampung, tiap-tiap kampunglah.

**Tuan Pengerusi:** Kampung, individu tidak bayar? Setiap rumah tidak bayar?

**Encik Teo Chee Kong:** Ia begini, mereka akan bayar kepada JKKK. *With the cost* nanti dia orang kira akan...

**Tuan Pengerusi:** *They are sharing* kah atau macam mana?

**Encik Teo Chee Kong:** *They are sharing. They sharing* dan tengok JKKK akan mengadakan satu kos akan setuju dari DBKK dan Jabatan Air, *about how much going to sell it to the*—yang pembayaran daripada penduduk kampunglah. Memang murah daripada apa Yang Berhormat Datuk Dr. Marcus Mojigoh tadi cakap itu, RM8 atau RM10 *jerrycan* daripada sebelah pulau, sebelah *mainland*. Oleh sebab itu mahu buat *report* yang sebelah sini *much cheaper*.

**Tuan Pengerusi:** *Yes, it should be. It should be.*

**Encik Teo Chee Kong:** Ya, *much cheaper*. Kami akan...

**Tuan Pengerusi:** UPEN, betul ini semua ya? Sudah selesailah masalah ini? Kita hendak minitkan selesailah.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Teo Chee Kong:** Dalam 60 hari akan siapkan ini.

**Tuan Pengerusi:** Itu Yang Berhormat, *you check* dalam 60 hari...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** *I will monitor, do not worry Chairman, because* itu melibatkan pengundi saya. *[Ketawa]* Apa yang tidak senang hati, ketidaksedaran dan ketidakfahaman oleh penduduk sana, mereka memang bermimpi-mimpi mendapat bekalan air ini ke rumah mereka sendiri untuk menyenangkan. Akan tetapi apa yang akan kita jelaskan kepada mereka bukan senang, bukan senang untuk menyatakan alasan kerajaan negeri dan kepada pihak keselamatan negara ya. Jadi kita telah pun—Kerajaan Negeri Sabah telah pun melihat perkara ini dan juga bersimpati dengan penduduk kampung yang tersebut.

#### ■1140

Soal untuk memberi bekalan itu melalui tangki yang dibekalkan oleh Kementerian Luar Bandar negeri Sabah, itu satu-satunya langkah untuk menyelamatkan keadaan.

**Tuan Pengerusi:** Saya nak tanya, ke rumah-rumah, paip sudah ada?

**Encik Teo Chee Kong:** Tidak termasuk dalam kontrak itu.

**Tuan Pengerusi:** Kerajaan negeri akan bagi peruntukan?

**Encik Teo Chee Kong:** Tidak ke rumah-rumah. Cuma tangki pukal sahaja. Selepas itu mereka datang...

**Tuan Pengerusi:** ...Ke rumah-rumah macam mana? Ke rumah-rumah?

**Encik Teo Chee Kong:** Tidak nak buat ke rumah-rumah.

**Tuan Pengerusi:** So, apa perancangan kerajaan negeri?

**Encik Teo Chee Kong:** Saya rasa itu sahaja kami buat. Pukal, ambil daripada satu stesen begitu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Ia tak boleh pasang ke rumah-rumah, paip? Kita nak pergi, *you* cakap 60 hari, dalam tiga bulan lagi PAC akan melawat Sabah. PAC akan pergi melawat Pulau Gaya. *Can you* jamin dua bulan boleh siap semua sekali?

**Encik Teo Chee Kong:** Terpaksa mahu *monitor* dengan DBKK punya kontraktorlah.

**Tuan Pengerusi:** Apa perancangan *you* untuk *supply* ke rumah-rumah ini, macam mana? *Federal Government* sudah *spent so much*.

**Encik Teo Chee Kong:** Begini Tuan Pengerusi, memang dalam kami punya *initiate* kontrak ini cuma buat paip di luar sahaja sebab kalau buat paip ke rumah-rumah, ini banyak, tau lah ini orang kalau di *water village* ini, banyaknya *illegal connection* juga *bah*, karang dibuat susah nak jaga. Satu juga, kalau sana boleh, kalau jalan ke laut sana, fasal itu yang *the path* itu senang macam kayu itu runtuh kah, laut-laut itu, susah nak menyanggara. *One of the reasons that* untuk mengurangkan air tak berhasil NRW, *I think it is better to have a bulk meter* daripada sambung ke rumah-rumah. Nanti *maintenance cost* tinggi dan kalau kita mahu ambil tindakan, ada orang mahu bayar, ada yang tak bayar. Yang masalah itu kalau pergi potong meter, ada sukar sedikit. *You* tahulah mahu masuk dalam *and all these*. *That is one of the operation costs*.

**Tuan Pengerusi:** Berapa jauh dari rumah ke tangki itu? Berapa jauh?

**Encik Teo Chee Kong:** Ada yang dekat sampai 10 meter, ada yang sampai 50 meter. Tengok keadaanlah. Kalau...

**Tuan Pengerusi:** Oh! Tak jauh ya? Tak jauh.

**Encik Teo Chee Kong:** *No, no, not that far*.

**Tuan Pengerusi:** Kalau buat sub, sub, sub... [Sambil menunjukkan isyarat tangan]

**Encik Teo Chee Kong:** Begini. Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Tak semestinya *every house* tapi macam *cluster, cluster*. *Cluster by itself*. Katalah ada 100 rumah, satu. [Sambil menunjukkan isyarat tangan] Bagi 100 rumah satu, 100 rumah satu. *You delegate, quite interesting*. I ingat kita PAC kena pergi sana, kita tengok.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Tuan Pengerusi, *I welcome the PAC to visit* Pulau Gaya supaya kita boleh cadangkan, supaya satu kelompok satu *stand pipe*.

**Tuan Pengerusi:** *Cluster, cluster*. Ia dipanggil *cluster*. *Can you plan it and then I will speak to CM*. *If you have proper planning for the cluster*. *That means*, katalah 50 orang satu *cluster*. *Easy to monitor, easy tanggungjawab*. Tak *heavy* sangat tanggungjawab kalau satu sahaja.

**Encik Teo Chee Kong:** Tapi kami akan *consider* lah.

**Tuan Pengerusi:** Cuba tengok ya.

**Encik Teo Chee Kong:** Kami akan bawa baliklah.

**Tuan Pengerusi:** Kita akan buat lawatan ke Sabah, PAC akan buat ini *interesting*, satu projek yang mempunyai signifikan yang di hati rakyat, kerjasama antara *federal* dengan *state government*. *How we look at the state government react on this project to complement, to give a better service to the people. That is the idea and the mechanism itu, mechanism revenue itu, revenue to the kerajaan and tak membebankan rakyat, it is quite interesting.* Kita tengok, *it is quite interesting this project.* Kalau di Turki, ia *cluster*.

Siapa cerita dengan saya itu hari. Maknanya kalau *you go to Turki*, dia ada mini, mini, mini, ya. *[Sambil menunjukkan isyarat tangan]* Dia punya *cluster*. Eh! Siapa? Yang Berhormat yang bercerita, Yang Berhormat Limbang yang bercerita. Di Turki dia ada *cluster, they called cluster. Along the way. It is quite interesting. We can make a courtesy call to, when we visit Sabah, Pulau Gaya on PAC. PAC can make a courtesy call to your CM and propose this one for the benefit of the people.* Bukan mencari kesalahan ya. *It is not our intention to cari kesalahan tapi how to give a better service kepada rakyat.*

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** *Just nak-kontrak yang kita belanjakan RM92 juta tadi dan perbelanjaan yang kita tanggung sudah 92%. Maksudnya, kalau pemahaman sayalah, kalau projek-projek lain maksudnya bila projek yang dilaksanakan, ia sampai meter stand. Maksudnya di sini, kalau dah 92%, line itu semua dah sampai ke rumah-rumah, sampai ke meter stand cuma connection kepada rumah. Maksudnya, line itu semua dah melalui dah jalan-jalan, rumah-rumah, itu sepatutnya dah ada dah, connection sampai ke meter stand kalau mengikut kontraklah. Biasanya sampai ke meter stand.*

**Tuan Pengerusi:** Okey, baik. *Can we make two alternative proposals? Satu, a cluster, how much the cost will be dan yang satu, direct to individual.* Kalau *state* kita boleh minta dengan KSU, minta duit untuk sambung ke rumah ini, ada peruntukan. *You make two proposals, kalau cluster what is the budget? Kalau terus direct kepada orang kampung, what is the budget? Susah memang susahlah. Nak collect duit, biasalah. This is quite interesting.*

**Encik Teo Chee Kong:** *We will go into the study.*

**Tuan Pengerusi:** *Study two mechanism. Satu cluster, satu lagi individual terus. What is the cost, apa dia pros and cons, what is the problem and then – kita kena visit, it's quite interesting this project.* Akan tetapi pada keseluruhannya kita anggap benda ini selesailah bila *state government* dah setuju untuk *supply* kepada orang kampung *and we consider it selesai, nak penambahbaikan ia lagi, these two alternatives. Can you please ya? Two months ya.*

**Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman:** Tuan Pengerusi, kita pun akan-saya beri jaminan saya akan kerap *monitor* perkara ini supaya sebelum lawatan PAC itu, perkara ini dah selesailah. Terima kasih. Ya, saya akan bersama-sama dengan MP, sampai Raya Haji lah Datuk. *[Ketawa]* Jangan makan keranglah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Mengenai keselamatan kita. Ganggu... *[Gangguan pembesar suara]* Dengan perairan Sabah itu, pantainya begitu panjang. Yang Berhormat Putatan boleh menjamin kita kah atau tak?

*[Ahli-ahli PAC berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Pengerusi:** Kalau tak ada, saya bagi pihak PAC mengucapkan terima kasih kepada KSU, kepada pegawai-pegawai daripada UPEN dan kakitangan dari Sabah, datang jauh walaupun saya tadi agak marah tetapi kerana selesai tak marahlah. *[Ketawa]* Sudah selesai semua, okey selesai *for the rakyat. It is confirmed you supply. So* kita anggap perkara ini selesai dan cuma hendak menambah baik. So untuk menambah baik, kita akan pergi *visit* Sabah tengok, dua bulan ya Encik Teo ya. Ini kena minit, dua bulan. Dua bulan. Kalau nak tambah paip *you* buat dua. *Just to recap* balik ya, dua *approach*. Satu *cluster*, satu lagi *direct, what is the cost, what is the problem*. Okey, terima kasih.

*[Saksi-saksi keluar dari bilik jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi:** Jemput makan ya. Terlupa tadi. Semua sekali ya. Makan di bawah ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, *can we have another meeting before Parliament? I propose on the 10, 11, 12 Oktober. Parliament 17th* ataupun 11, 12. Boleh 11, 12 Oktober?

*[Ahli-ahli PAC berbincang sesama sendiri]*

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Tuan Pengerusi, nak catat sekali lagi. Bulan 10 berapa? Pada 10, 11? *[Disampuk]* Oh! Pada 11,12. Okey.

**Tuan Pengerusi:** Kita punya prosiding kena dua minggu ya. *[Disampuk]* Tapi kita kasi dua bulan. Sebab Sabah boleh tapi dua bulan. *Two months* dah pilihan raya kita pun tak tahu lah. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Tengok prosiding mana ini? Yang itu, ada *state*, ada? Pengurusan pembinaan Kompleks Kolej Tentera Udara Pulau Pinang. Pengurusan Pembinaan Kompleks Kolej Tentera Udara Pulau Pinang, pengurusan prasarana dan... pengurusan cawangan audit, projek NKEA pertanian, di mana ini?

**Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Yang kita belum panggil prosiding ini, benda-benda ini, pengurusan penyelenggaraan kapal/bot APMM.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Pengurusan Bank Pertanian Malaysia, pengurusan perangkaian hotel di Malaysia...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Ini boleh.

**Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Sarawak, sekolah agama. *[Disampuk]* Okey, makan, makan dahulu. Sabah ini... *[Disampuk]* Mana?

**Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi:** NKEA pertanian.

**Tuan Pengerusi:** Ini kita boleh buat esok, Yang Berhormat Putatan. *After two months, that means* bulan berapa ya? *[Disampuk]* Pada 10 hari bulan ini kita nak buat apa, 11, 12 ini apa? Kita nak buat prosiding kah atau buat rumusan? Rumusan habis semua, buat dah? Sebab prosiding *we have to give 14 days notice*. Kalau prosiding tak perlu sangat. *Housekeeping* tak payah.

**Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Kita buat *housekeeping* lah ya. *[Disampuk]* Pada 11, 12 lah ya buat *housekeeping*. Lepas itu kalau Sabah esok baru kita buat yang itu ya. *After* dua bulan.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 11.52 pagi]***



**DOKUMEN  
PEMBENTANGAN**




**MESYUARAT  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
(PAC)**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
TAHUN 2015 SIRI 1**

**PROGRAM BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB)  
DI NEGERI SABAH  
JABATAN AIR NEGERI SABAH**

**KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**7 SEPTEMBER 2016  
RABU, JAM 10.30 PAGI)**      **JABATAN AUDIT NEGARA**



**LATAR BELAKANG PROGRAM BALB**

- Pelaksanaan Program BALB di bawah Bidang Keberhasilan Negara (NKRA) meningkatkan pembangunan luar bandar telah bermula sejak tahun 2010 iaitu dibawah:
  - Program Transformasi Kerajaan (GTP) 1.0 (tahun 2010 hingga tahun 2012)
  - GTP 2.0 (tahun 2013 hingga tahun 2015).
- 184 projek BALB dengan peruntukan sejumlah **RM2.001 bilion** telah diluluskan untuk dilaksanakan.



*Kajian Audit terhadap Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Negeri Sabah*



### OBJEKTIF PROGRAM BALB

- Menyediakan kemudahan bekalan air bersih dan terawat agar taraf kesihatan dan kualiti hidup masyarakat di kawasan luar bandar dapat dipertingkatkan di samping merangsang pembangunan ekonomi, industri, pertanian dan juga pelancongan; dan
- Memperluaskan liputan bekalan air di kawasan luar bandar di seluruh negara.



*Kajian Audit terhadap Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Negeri Sabah*



### OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Program BALB di Negeri Sabah telah dilaksanakan secara cekap, ekonomik dan teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan iaitu bagi menyediakan kemudahan dan memperluaskan liputan bekalan air bersih dan terawat di kawasan luar bandar.

Kajian Audit terhadap Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Negeri Sabah


**SKOP PENGAUDITAN**

- Perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek bagi Program BALB di Negeri Sabah yang dilaksanakan di bawah **GTP 1.0 (tahun 2010 hingga 2012)** dan **GTP 2.0 (tahun 2013 hingga 2015)**.
  
- Pengauditan terperinci terhadap **12 (6.7%)** daripada **180 projek** dengan nilai **RM388.65 juta (19.4%)** meliputi ketiga-tiga skop kerja iaitu sistem retikulasi, sistem alternatif dan pembinaan loji baru.

Kajian Audit terhadap Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Negeri Sabah

**METODOLOGI PENGAUDITAN**

- Menyemak rekod dan dokumen yang berkaitan di KKLW dan JANS termasuk dokumen kontrak, minit-minit mesyuarat dan laporan kemajuan kerja.
  
- Temu bual dengan pegawai terlibat, kaji selidik dengan golongan sasaran dan pemeriksaan fizikal telah diadakan di daerah yang dipilih.

 *Kajian Audit terhadap Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Negeri Sabah* 

**RUMUSAN PENGAUDITAN**

- Pengauditan yang dijalankan di KKLW, JANS serta 12 projek BALB yang melibatkan 11 daerah iaitu Keningau, Kota Kinabalu, Semporna, Kudat, Kota Belud, Tuaran, Sipitang, Kinabatangan, Kuala Penyu, Bongawan dan Membakut mendapati secara amnya
  - o prestasi pelaksanaan Program BALB di Negeri Sabah adalah **baik**
  - o sasaran penyediaan akses kepada kemudahan bekalan air bersih dan terawat kepada masyarakat di kawasan luar bandar telah dicapai **melebihi 90% daripada jumlah yang disasarkan.**
  - o Prestasi perbelanjaan program juga di tahap **baik** dengan 96.7% daripada peruntukan telah dibelanjakan dengan sewajarnya.
  - o Selain itu, sebanyak **169 (98.8%)** projek di bawah GTP 1.0 disiapkan dalam tempoh pelaksanaan kerja yang ditetapkan.
- Bagaimanapun, pemeriksaan Audit terhadap 12 projek mendapati kelemahan yang berikut:

 *Kajian Audit terhadap Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Negeri Sabah* 

**RUMUSAN PENGAUDITAN (Sambungan)**

1. Projek BALB Sistem Retikulasi Tahun 2011/2012 Negeri Sabah - Zon 6a(3), Kota Belud tidak siap dalam tempoh yang ditetapkan. Bayaran gantirugi tertentu dan ditetapkan bagi tempoh 16 Julai 2014 sehingga 15 Oktober 2015 (tarikh CPC dikeluarkan) berjumlah RM584,005 belum dikutip daripada kontraktor. ➡
2. Ketiadaan koordinasi antara unit di KKLW menyebabkan pelaksanaan Projek BALB Di Kawasan Kinabatangan, Sabah Tahun 2012 tergendala di mana kerja-kerja pemasangan paip dihentikan sementara disebabkan oleh kerja-kerja naik taraf jalan di bawah Program Jalan Luar Bandar (JALB). ➡

Kajian Audit terhadap Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Negeri Sabah

**RUMUSAN PENGAUDITAN (Sambungan)**

3. Projek BALB-Retikulasi di Pulau Gaya termasuk tangki takungan khidmat (berkapasiti 5 juta liter air) yang menyasarkan 2441 buah rumah telah siap tetapi belum beroperasi secara optimum kerana penyambungan dan pemasangan paip ke kampung-kampung dihentikan berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Bersepadu Pulau Gaya, Kota Kinabalu Bilangan 02/2012 yang memutuskan status kampung di Pulau Gaya adalah tidak sah. ➡
  
4. Prestasi penyambungan meter oleh pengguna bagi 5 projek BALB-Retikulasi yang telah siap dan beroperasi berada di tahap yang rendah iaitu hanya 38.4% berbanding jumlah liputan rumah yang disasarkan oleh KKLW (hanya 3,032 jumlah penyambungan meter daripada 7,901 bilangan rumah yang disasarkan). ➡

Kajian Audit terhadap Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Negeri Sabah

**SYOR AUDIT**

- KKLW perlu membuat penilaian outcome terhadap projek-projek yang telah dilaksanakan di bawah Program BALB di Negeri Sabah bagi mengenal pasti sama ada kemudahan yang disediakan telah digunakan oleh rakyat secara optimum dan Kerajaan mendapat best value for money atas perbelanjaan;
  
- KKLW/JANS hendaklah mengambil tindakan proaktif dan punitif terhadap kontraktor dan perunding sebagaimana klausa kontrak dan peruntukan undangundang; dan
  
- KKLW bersama Agensi Pelaksana yang terlibat secara langsung hendaklah memperluaskan skop Program BALB dengan menyambungkan bekalan air terus ke rumah bagi masyarakat luar bandar dari kategori miskin tegar.



 <i>Kajian Audit terhadap Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Negeri Sabah</i>	
<b>6.5.3 PELAKSANAAN PROJEK</b>	
<b>6.5.3.1 Bayaran Gantirugi Tertentu Dan Ditetapkan</b>	
<input type="checkbox"/> <b>Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Retikulasi Tahun 2011/2012 Negeri Sabah - Zon 6A(3), Kota Belud</b>	
▪ Tempoh kontrak 16 bulan sepatutnya siap pada 1 Januari 2013	
▪ 3 kali lanjutan masa (Extension of Time [EOT])	
▪ Tarikh siap baru: <b>28 Februari 2014</b> .	
▪ Projek tidak siap selepas tamat EOT ke-3.	

 Kajian Audit Terhadap Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Negeri Sabah			
6.5.3 PELAKSANAAN PROJEK			
6.5.3.1 Bayaran Gantirugi Tertentu Dan Ditetapkan			
<p><input type="checkbox"/> Semakan Audit mendapati LAD berjumlah RM851,318 telah dipotong melalui bayaran interim 23, 24 dan 25 bagi tempoh 1 Mac hingga 15 Julai 2014. Bagaimanapun, LAD bagi tempoh 16 Julai 2014 sehingga 15 Oktober 2015 (tarikh CPC dikeluarkan) masih belum dikutip daripada kontraktor. Berdasarkan kiraan Audit, LAD berjumlah RM584,005 belum dikenakan kepada Kontraktor seperti jadual berikut:</p>			
PERAKUAN	KADAR LAD/HARI (RM)	TEMPOH LAD (HARI)	JUMLAH LAD (RM)
<i>Certificate of Non-Completion (CNC)</i> bertarikh 28 Februari 2014	6,214	48 (16.07.2014 - 31.08.2014)	285,844
<i>Certificate of Partial Occupation (CPO) 2</i> bertarikh 1 September 2014	729	409 (01.09.2014 – 15.10.2015)	298,161
<b>JUMLAH</b>			<b>584,005</b>

 Kajian Audit Terhadap Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Negeri Sabah			
6.5.3 PELAKSANAAN PROJEK			
6.5.3.2 Penyelarasan Projek			
<p><input type="checkbox"/> Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Di Kawasan Kinabatangan, Sabah Tahun 2012</p> <ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> mula dilaksanakan pada 16 Mei 2013</li> <li><input type="checkbox"/> tempoh siap 12 bulan</li> <li><input type="checkbox"/> harga kontrak asal = RM 17.58 juta.</li> <li><input type="checkbox"/> 9 laluan paip yang berbeza untuk 9 kampung : Kinabatangan (4), Pinangah (5)</li> </ul> <p><input type="checkbox"/> Lawatan Audit ke Tapak projek di kawasan Pinangah, Daerah Tongod mendapati:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ kerja pemasangan paip dihentikan sementara disebabkan oleh kerja naik taraf Jalan Linuyukan – Pinangah dan Jalan Tongod – Pinangah bermula pada bulan Januari 2015 di bawah seliaan JKR Sabah – <b>dirancang dan dipantau oleh Unit JALB, KKLW</b></li> </ul>			

 *Kajian Audit terhadap Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Negeri Sabah* 


**6.5.3 PELAKSANAAN PROJEK**

**6.5.3.2 Penyelarasan Projek**

Keadaan paip di tapak projek



*Jalan Tongod - Pinangah  
- Paip Yang Dialihkan Dan Mengalami  
Kerosakan  
(20.04.2015)*



*Jalan Tongod - Pinangah  
- Paip Yang Dialihkan Dan Mengalami  
Kerosakan  
(20.04.2015)*

**6.5.3 PELAKSANAAN PROJEK**

**6.5.3 Pelaksanaan Projek Tergendala/Tertangguh**

**Maklum balas Kementerian**

*Kementerian mengambil maklum mengenai perkara ini dan telah mengadakan mesyuarat bagi membincangkan isu pertindihan tapak projek BALB, BELB dan JALB. Pada masa akan datang, Kementerian akan menyelaraskan senarai projek bersama Unit-unit di Bahagian Infrastruktur bagi mengelakkan perkara ini daripada berulang.*



Kajian Audit terhadap Program Bekalan Air Luar Bandar  
(BALB) di Negeri Sabah

**6.5.4 IMPAK PROJEK BALB DI NEGERI SABAH**

**6.5.4.2 Projek BALB-Retikulasi di Pulau Gaya Telah Siap Tetapi Belum Beroperasi Secara Optimum**

- Kerja penyambungan dan pemasangan paip ke Kg. Kasuapan, Kg. Lok Baru dan Kg. Lok Urai tidak dilaksanakan berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Bersepadu Pulau Gaya, Kota Kinabalu Bilangan 02/2012 kerana:
  - ✓ berstatus kampung tidak sah
  - ✓ akan dipindahkan ke kawasan penempatan semula di Kg. Gusli, Kinarut
- Mesyuarat memutuskan kemudahan air hanya dibekalkan kepada bangunan Kerajaan sahaja - ESSCOM, SK. Pulau Gaya dan SMK Pulau Gaya.

Kajian Audit terhadap Program Bekalan Air Luar Bandar  
(BALB) di Negeri Sabah

**6.5.4 IMPAK PROJEK BALB DI NEGERI SABAH**

**6.5.4.2 Projek BALB-Retikulasi di Pulau Gaya Telah Siap Tetapi Belum Beroperasi Secara Optimum (samb.)**

- Kontraktor telah pun melaksanakan skop kerja yang dipersetujui di dalam kontrak kecualli kerja pemasangan paip agihan sepanjang 2.01km ke Kg. Kasuapan, Lok Baru dan Lok Urai.

Sumber: Perunding BMSS

- Setakat Ogos 2015, bekalan air telah disambungkan kepada Pejabat ESSCOM. Tiada maklumat lanjut berkenaan penyambungan meter ke SK dan SMK Pulau Gaya

**6.5.4 IMPAK PROJEK BALB DI NEGERI SABAH**

**6.5.4 Projek BALB-Retikulasi di Pulau Gaya Telah Siap Tetapi Belum Beroperasi Sepenuhnya (samb.)**

**Maklum balas Kementerian**

*Satu mesyuarat antara pihak JANS dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah diadakan pada bulan Julai 2015 dan memutuskan kampung-kampung di Pulau Gaya (Kg. Lok Urai, Kg. Kasuapan, Kg. Pulau Gaya Tengah dan Kg. Pulau Gaya Asal) dibekalkan air bersih melalui tangki pukal yang ditempatkan di setiap kampung sementara menunggu proses penempatan semula dilaksanakan. Bagaimanapun, proses penyambungan tersebut hanya akan dibuat setelah menerima peruntukan daripada pihak ADUN N.17 Tanjung Aru dan disalurkan kepada pihak DBKK untuk tujuan pelaksanaan.*

*Sehingga 1 April 2016, pihak JANS memaklumkan bahawa pihak DBKK masih lagi belum menerima peruntukan daripada pihak ADUN N.17, Tanjung Aru bagi melaksanakan kerja-kerja pembekalan tangki pukal ke Kg. Lok Urai, Kg. Kasuapan, Kg. Pulau Gaya Tengah dan Kg. Pulau Gaya Asal. Pelaksanaan kerjakerja pembekalan tangki pukal ini akan dilaksanakan dengan segera setelah peruntukan diterima kelak.*

 *Kajian Audit terhadap Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Negeri Sabah* 

**6.5.4 IMPAK PROJEK BALB DI NEGERI SABAH**

**6.5.4.3 Prestasi Penyambungan Bekalan Air Oleh Penduduk Yang Disasarkan**

Berdasarkan maklumat daripada JANS, pihak Audit mendapati prestasi penyambungan meter oleh pengguna bagi 5 projek BALB-Retikulasi yang telah siap dan beroperasi berada di tahap **38.4%** berbanding jumlah liputan rumah yang disasarkan oleh KKLW.



Kajian Audit terhadap Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Negeri Sabah



6.5.4 IMPAK PROJEK BALB DI NEGERI SABAH

6.5.4.3 Prestasi Penyambungan Bekalan Air Oleh Penduduk Yang Disasarkan

Jumlah permohonan dan penyambungan bekalan air oleh penduduk adalah rendah meskipun projek telah disiapkan dan diuji boleh beroperasi seperti yang dirancang.

Jumlah penyambungan meter bagi 5 projek yang telah siap dan beroperasi (Setakat bulan November 2015):

PROJEK	JUMLAH SASARAN RUMAH	JUMLAH PERMOHONAN SAMBUNGAN METER OLEH PENGGUNA	PERATUS (%)
BALB Topokon	2,500	1,205	48.2
BALB Kudat	1,596	75	4.7
BALB Sook	2,500	1,360	54.4
BALB Sipitang	994	302	30.4
BALB Kuala Penyu	311	90	28.9
JUMLAH	7,901	3,032	38.4

❖ Projek BALB Daerah Sook dan Topokon, Tuaran = jumlah penyambungan > 40%

❖ Bagi 3 projek yang lain, jumlah penyambungan meter < 40%



Kajian Audit terhadap Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Negeri Sabah



6.5.4 IMPAK PROJEK BALB DI NEGERI SABAH

6.5.4.3 Prestasi Penyambungan Bekalan Air Oleh Penduduk Yang Disasarkan

Projek BALB Kudat mempunyai peratusan penyambungan yang paling rendah iaitu hanya 4.7% (75 penyambungan meter berbanding 1,596 rumah yang disasarkan).

 *Kajian Audit Terhadap Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Negeri Sabah* 

**6.5.4 IMPAK PROJEK BALB DI NEGERI SABAH**

**6.5.4 Prestasi Penyambungan Bekalan Air Oleh Penduduk Yang Disasarkan**

**Maklum balas Kementerian**

*Kementerian dan JANS mengambil maklum perkara ini dan akan mempergiatkan lagi kempen kesedaran penggunaan air terawat kepada penduduk.*

*Anggaran kos penyambungan bekalan air terawatt dari meter point ke rumah adalah di antara RM1,000 hingga RM1,500 termasuk pemasangan kos paip dan tangki air. Kos ini juga termasuk deposit meter berjumlah RM100 (geran tanah atas nama pemohon) atau RM200 (geran tanah rizab kampung). Jumlah bil air pula bergantung kepada penggunaan, biasanya di antara RM20 hingga RM80 bagi setiap 3 bulan.*

 *Kajian Audit Terhadap Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Negeri Sabah* 


**6.5.4 IMPAK PROJEK BALB DI NEGERI SABAH**

**6.5.4 Prestasi Penyambungan Bekalan Air Oleh Penduduk Yang Disasarkan**

**Maklum balas Kementerian**

*Jabatan Air Bahagian Kudat telah memberikan maklumat berkenaan prosedur penyambungan kepada JKKK Kampung dan membuat lawatan ke kampung-kampung untuk menerangkan perkara ini kepada penduduk yang terlibat. Satu siri dialog iaitu Program Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM) bersama Pengerusi JKKK kawasan N.4 Matunggong dan penduduk telah diadakan pada bulan Julai 2015 di Pejabat Daerah Matunggong yang turut dihadiri oleh Penolong Pegawai Daerah.*

*Bagaimanapun, program promosi dan hebahan ini akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi memastikan lebih ramai penduduk membuat permohonan penyambungan penggunaan bekalan air terawat bagi menjamin kesihatan penduduk di kawasan terbabit.*



The image is a screenshot of a presentation slide. At the top left is the logo of the Malaysian Audit Commission. To its right is the text 'Kajian Audit Terhadap Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Negeri Sabah'. On the top right are three small images of report covers. Below this is a dark grey header bar with the text '6.5.4 IMPAK PROJEK BALB DI NEGERI SABAH'. Underneath is a white box containing the title '6.5.4 Prestasi Penyambungan Bekalan Air Oleh Penduduk Yang Disasarkan'. Below the title is another white box with the text 'Maklum balas Kementerian'. The main body of the slide is black with white text. At the bottom right of the slide is a small grey arrow pointing left.

**Maklum balas Kementerian**

*Kementerian mengambil maklum mengenai perkara ini dan sedang menyediakan Nota Jemaah menteri berkenaan cadangan untuk memasukkan kos penyambungan air di dalam skop Program BALB bermula RMKe-11 yang melibatkan pembinaan paip (service pipe) sehingga ke stand pipe dalam kawasan rumah penduduk di kawasan luar Bandar dan pengguna hanya perlu membiayai kos deposit meter. Walaubagaimanapun, ia adalah tertakluk kepada kelulusan Jemaah Menteri.*



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015  
AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN  
BAGI SIRI 1**



**PROGRAM BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) DI  
NEGERI SABAH**



*Bahagian Infrastruktur, Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah*



# LATAR BELAKANG PROGRAM BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB)



- ▶ Pelaksanaan Program BALB di bawah Bidang Keberhasilan Negara (NKRA) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi meningkatkan pembangunan luar bandar telah bermula sejak tahun 2010 iaitu di bawah:
  - ❑ Program Transformasi Kerajaan (GTP) 1.0 (tahun 2010 hingga tahun 2012)
  - ❑ GTP 2.0 (tahun 2013 hingga tahun 2015)
- ▶ 211 projek BALB dirancang dengan peruntukan sejumlah RM2.03 bilion telah diluluskan untuk dilaksanakan.

## Objektif Program BALB

- Menyediakan kemudahan bekalan air bersih dan terawat agar taraf kesihatan dan kualiti hidup masyarakat di kawasan luar bandar dapat dipertingkatkan di samping merangsang pembangunan ekonomi, industri, pertanian dan juga pelancongan; dan
- Memperluaskan liputan bekalan air di kawasan luar bandar di seluruh negara.



## PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROJEK BALB NEGERI SABAH DI BAWAH NKRA & RMKe-10

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS BELANJA (%)	BIL. PROJEK BARU
2010	110,817,000.00	110,816,662.54	100.00	29
2011	737,490,000.00	737,489,999.90	100.00	103
2012	772,770,000.00	772,769,951.50	100.00	2
2013	190,000,000.00	189,995,707.55	100.00	2
2014	123,750,000.00	123,748,301.44	100.00	8
2015	66,250,000.00*	59,279,435.28	89.48	14
	<b>2,001,077,000.00</b>	<b>1,994,100,058.21</b>	<b>99.65</b>	<b>158</b>

\*Peruntukan dipinda dari RM99,250,000.00

NOC sebanyak RM30,000,000.00 disalurkan kepada projek BALB Negeri Sarawak



## PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK BALB NEGERI SABAH DI BAWAH NKRA & RMKe-10



TAHUN	BILANGAN RUMAH MENDAPAT AKSES	
	SASARAN	SEBENAR
2010	18,143	11,896
2011	18,063	19,225
2012	68,092	60,398
2013	8,000	12,799
2014	3,000	3,000
2015	2,500	4,150
	<b>117,798</b>	<b>111,468</b>



# SKOP PROGRAM BALB

## RETIKULASI

- Sambungan paip retikulasi daripada paip-piip utama PBAN ke rumah-rumah termasuk pembinaan tangki dan sistem *booster pump*.
- Penggantian paip lama tidak termasuk di dalam skop BALB.

## ALTERNATIF

- Penyediaan akses bekalan air melalui telaga tiub, sistem graviti dan telaga terbuka.
- Membaikpulih atau mengubahsuai sistem alternatif sedia ada.

## NAIK TARAF / BINA LOJI BARU

- Meningkatkan kapasiti loji / membina baru loji di kawasan yang mempunyai tekanan dan kapasiti air yang tidak mencukupi bagi memastikan sistem retikulasi yang dipasang dapat berfungsi dengan baik.






**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015  
AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1**



**RUMUSAN HASIL PENEMUAN AUDIT  
PROGRAM BALB DI NEGERI SABAH**





# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015 AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1



## PENEMUAN AUDIT

- i Kajian Awal yang dilaksanakan oleh Perunding tidak menyeluruh
- ii Projek tidak siap mengikut tempoh yang ditetapkan
- iii Koordinasi yang lemah di antara unit di KKLW menyebabkan pelaksanaan projek tergendala
- iv Projek Pemasangan Paip ke Pulau Gaya yang disiapkan pada tahun 2013 tidak beroperasi sepenuhnya
- v Prestasi penyambungan air oleh pengguna di tahap yang rendah



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015 AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1



## SELESAI TINDAKAN

Kajian Awal yang dilaksanakan oleh Perunding tidak menyeluruh

Projek tidak siap mengikut tempoh yang ditetapkan

Koordinasi yang lemah di antara unit di KKLW menyebabkan pelaksanaan projek tergendala

Prestasi penyambungan air oleh pengguna di tahap yang rendah

## DALAM TINDAKAN

Projek Pemasangan Paip ke Pulau Gaya yang disiapkan pada tahun 2013 tidak beroperasi sepenuhnya



## LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015 AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1



### 1. Kajian Awal Perunding Tidak Menyeluruh

Laporan Awalan bagi satu projek (Projek Bekalan Air Mukim Tulid/Lanas/Sook, Negeri Sabah) tidak disediakan dengan lengkap dan menyeluruh kerana jajaran paip tidak mengambil kira satu kampung di Mukim Sook.

#### *Status Terkini:*

Pada peringkat awal reka bentuk, kampung tersebut iaitu Kg. Binuou Tengah tidak dimasukkan ke dalam pelaksanaan projek kerana lokasi kampung yang terletak jauh lebih kurang 60km dari Pekan Sook. Walau bagaimanapun, pemasangan paip telah dilaksanakan melalui Arahan Perubahan Kerja (APK) pada 21 Ogos 2013. Kementerian telah mengeluarkan waran peruntukan berjumlah RM337,132 kepada JANS pada 6 Julai 2015 bagi membiayai kos kerja-kerja penyambungan paip dan pemasangan *meter stand* ke 168 buah rumah termasuk Kg. Binuou Tengah.

Kerja-kerja penyambungan paip ini telah disiapkan pada 28 September 2015.





## LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015 AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1



### 2. Projek Tidak Siap dan Penguatkuasaan *Liquidated and Ascertained Damages (LAD)*

Projek BALB Sistem Retikulasi Tahun 2011/2012 Negeri Sabah – Zon 6A(3), Kota Belud tidak siap dalam tempoh yang ditetapkan. Bayaran ganti rugi tertentu dan ditetapkan bagi tempoh 16 Julai 2014 hingga 15 Oktober 2015 (tarikh *CPC* dikeluarkan) berjumlah RM584,005.00 belum dikutip daripada kontraktor.

#### *Status Terkini:*

Dokumen pembayaran pra muktamad sedang disemak oleh Juruperunding dan Jurutera Air Bahagian Kota Belud. Pembayaran LAD berjumlah RM584,005.00 dijangka dapat dibuat apabila interim pra muktamad telah siap diproses.





## LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015 AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1



### 3. Koordinasi yang lemah di antara unit di KKLW menyebabkan pelaksanaan projek tergendala

Ketiadaan koordinasi antara unit di KKLW menyebabkan pelaksanaan Projek BALB di Kawasan Kinabatangan, Sabah Tahun 2012 tergendala di mana kerja-kerja pemasangan paip dihentikan sementara disebabkan oleh kerja-kerja naik taraf jalan di bawah Program Jalan Luar Bandar (JALB).

#### *Status Terkini:*

Jumlah jajaran paip pelbagai saiz yang terlibat dalam pelaksanaan projek BALB ini adalah sepanjang 64.5km. Jumlah panjang jajaran yang bertindih dengan kerja-kerja menaiktaraf Jalan Linuyukan Pinangah Fasa 2 (program JALB) adalah sepanjang 6.4km.

Sehingga pertengahan bulan Ogos 2016, pihak kontraktor BALB telah memasang paip sepanjang 6km di jajaran yang bertindih dan 64.1km bagi keseluruhan jajaran. Pemasangan baki jajaran paip sepanjang 400m akan dibuat pada awal bulan September 2016 memandangkan pihak kontraktor JALB masih melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf jalan. Projek di Kawasan Kinabatangan, Sabah Tahun 2012 ini dijangka siap sepenuhnya pada bulan Oktober 2016.



## LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015 AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1



### 5. Prestasi penyambungan air oleh pengguna di tahap yang rendah

Prestasi penyambungan meter oleh pengguna bagi 5 projek BALB-Retikulasi yang telah siap dan beroperasi berada di tahap yang rendah iaitu hanya 38.4% berbanding jumlah liputan rumah yang disasarkan oleh KKLW (hanya 3,032 jumlah penyambungan meter daripada 7,901 bilangan rumah yang disasarkan).

#### *Status Terkini:*

Pihak JANS memaklumkan bahawa kebanyakan permohonan penyambungan bekalan air oleh penduduk tidak disertakan bersama deposit penyambungan kerana mereka tidak berkemampuan untuk membayar kos penyambungan paip dari *meter point* ke rumah. Ini menyebabkan proses penyambungan tidak dapat dibuat sekaligus menyumbang kepada statistik penyambungan yang rendah meskipun projek telah disiapkan dan diuji boleh beroperasi seperti yang dirancang.

Walau bagaimanapun, penduduk juga masih mempunyai sumber air alternatif yang sedia ada dan percuma seperti telaga dan sumber air graviti.

Kementerian dan JANS mengambil maklum perkara ini dan akan mempergiatkan lagi kempen kesedaran penggunaan air terawat kepada penduduk. Kempen kepada penduduk kampung sedang giat dilaksanakan oleh JANS di peringkat daerah.



## LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015 AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1



### 4. Projek Pemasangan Paip ke Pulau Gaya yang disiapkan pada tahun 2013 tidak beroperasi sepenuhnya

Projek BALB-Retikulasi di Pulau Gaya termasuk tangki takungan khidmat (berkapasiti 5 juta liter air) yang menyasarkan 2,441 buah rumah telah siap tetapi belum beroperasi secara optimum kerana penyambungan dan pemasangan paip ke kampung-kampung dihentikan berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Bersepadu Pulau Gaya, Kota Kinabalu Bil. 02/2012 yang memutuskan status kampung di Pulau Gaya adalah tidak sah.

#### *Status Terkini:*

Sehingga 31 Ogos 2016, proses penyambungan dan pemasangan paip telah dibuat ke SMK Pulau Gaya, Pejabat *Eastern Sabah Security Command (ESSCOM)* dan Gayana Resort.

ADUN N.17 Tanjung Aru melalui mesyuarat yang telah diadakan pada 13 Julai 2015 telah bersetuju untuk menyalurkan peruntukan bagi membiayai kerja-kerja pemasangan *bulk meter* seperti yang dicadangkan. Kerja-kerja penyediaan depo sambungan pembekalan air ke kampung-kampung yang telah dikenalpasti iaitu Kg. Pulau Gaya Tgh, Kg. Pulau Gaya Asal, Kg. Lok Urai, Kg. Kesuapan dan Kg. Lobong sedang giat dilaksanakan dan dijangka siap pada 25 Oktober 2016. Justeru ia akan memberi manfaat kepada 2,441 buah rumah di seluruh kampung yang terlibat.



## LATAR BELAKANG PROJEK PROJEK PEMASANGAN PAIP KE PULAU GAYA FASA 1 KOTA KINABALU SABAH



RM 93,003,861.00

### KOS PROJEK

### TARIKH

- Tarikh Mula : 26.12.2011
- Tarikh Siap Asal : 18.03.2013
- Tarikh Siap Sebenar : 13.09.2013

### PEGAWAI PENGUASA

Jabatan Air Negeri Sabah

### PERUNDING

Perunding BMSS Sdn Bhd

### KONTRAKTOR

WBS Construction Sdn Bhd

### SKOP PROJEK

- Penyambungan paip pelbagai saiz dari tanah besar (Kota Kinabalu) ke Pulau Gaya termasuk penyambungan paip dasar laut (*submarine pipeline*) dan juga penyambungan paip ke perkampungan di Pulau Gaya (Kg. Pulau Gaya, Kg Lok Urai, Kg Kesuapan & Gayana Eco Resort);
- Pembinaan sebuah stesen pam penggalak; dan
- Pembinaan sebuah tangki air di Pulau Gaya beserta jalan masuk (*access road*).



Terima  
kasih